

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

Bab ini terdiri daripada empat bahagian. Bahagian pertama dan kedua membincangkan konsep yang berkaitan dengan kajian ini iaitu konsep genre dan konsep kohesi. Bahagian ketiga meninjau kajian-kajian yang berkaitan dengan analisis wacana berita dan bahagian keempat menyorot kajian-kajian yang khusus berkaitan dengan analisis wacana berita. Pada akhir bab ini akan diberikan kesimpulan yang berkaitan dengan kajian ini.

2.1 KONSEP GENRE

Konsep genre digunakan dalam berbagai-bagai subjek seperti retorik, kesusasteraan, sosiolinguistik, teks linguistik dan linguistik gunaan. Genre meliputi teks secara lisan dan tulisan. Menurut Nunan (1993), istilah ‘genre’ telah diguna sejak bertahun-tahun lalu untuk merujuk kepada berbagai-bagai bentuk wacana kesusasteraan seperti soneta, tragedi, dan kisah-kisah romantik. Berlainan jenis wacana dapat dikenal pasti melalui bentuk keseluruhan atau struktur generik (skematik) wacana tersebut. Menurut Swales (1990: 33), pada hari ini, genre digunakan dengan mudah untuk merujuk kepada “...a distinctive category of discourse of any type, spoken or written, with or without literary aspirations”. Dengan itu, mengikut Swales kini kita sering membaca atau mendengar frasa ‘satu genre baru muzik video’ atau ‘genre sidang akhbar Presiden’ tanpa memperdulikan istilah yang khusus untuk kajian retorik dan kesusasteraan itu tidak sesuai digunakan secara umum atau sewenang-wenangnya.

Sejak kebelakangan ini, istilah genre telah digunakan oleh ahli-ahli linguistik fungsian untuk merujuk peristiwa komunikatif yang berlainan jenis (Swales, 1990). Ahli-ahli linguistik menekankan bahasa wujud bagi memenuhi fungsi-fungsi tertentu dan fungsi-fungsi ini akan menentukan bentuk keseluruhan atau struktur generik sesuatu wacana itu. Struktur ini wujud apabila manusia berhubung di antara satu dengan yang lain. Ini diperakui oleh Bhatia (2001: 65) yang menyatakan, "genres are the media through which members of professional or academic communities communicate with each other". Tujuan komunikatif tersebut dapat dilihat pada perkataan dan struktur tatabahasa yang digunakan. Dengan perkataan lain, peristiwa komunikatif yang berlainan akan menghasilkan wacana yang berlainan jenisnya, dan tiap-tiap satu daripada wacana tersebut akan mempunyai ciri-ciri bahasanya yang tersendiri.

Satu definisi genre secara umum adalah seperti berikut :

A genre is a text or discourse type which is recognized as such by its user by its characteristic features of style or form, which will be specifiable through stylistic and text-linguistic/discourse analysis, and/or by the particular function of texts belonging to the genre.

(Malmkjaer dan Anderson, 1991: 176)

Swales telah membuat kajian yang mendalam mengenai genre iaitu dalam berbagai-bagai bidang kajian, misalnya genre dalam bidang sastera rakyat, kesusasteraan, linguistik dan retorik. Beliau telah memberikan definisi genre sebagai berikut :

A genre comprises a class of communicative events, the members of which share some set of communicative purposes. These purposes are recognized by the expert

members of the parent discourse community, and thereby constitute the rationale for the genre. This rationale shapes the schematic structure of the discourse and influences and constrains choice of content and style. Communicative purpose is both a privileged criterion and one that operates to keep the scope of a genre as here conceived narrowly focused on comparable rhetorical action. In addition to purpose, exemplars of genre exhibit various patterns of similarity in terms of structure, style, content and intended audience. If all high probability expectations are realized, the exemplar will be viewed as prototypical by the parent discourse community.

(Swales, 1990: 58)

Daripada definisi di atas, didapati genre terdiri daripada satu bentuk peristiwa komunikatif, yakni peristiwa yang di dalamnya melibatkan penggunaan bahasa secara berkesan dan sangat diperlukan. Peristiwa komunikatif tersebut ialah seperti perbualan telefon, memberi kuliah, laporan berita dan sebagainya. Aktiviti harian yang menggunakan bahasa secara tidak langsung seperti ketika memandu, bermain bola dan melakukan kerja rumah tidak dianggap sebagai peristiwa komunikatif oleh Swales (1990). Mengikut Swales (ibid: 39), Saville-Troike (1982) mempunyai pendapat yang sama dengan beliau iaitu genre baginya merujuk kepada jenis peristiwa komunikatif seperti lawak jenaka, cerita, kuliah, ucapan alu-aluan dan perbualan.

Seterusnya, peristiwa komunikatif itu dianggap sebagai genre kerana ahli-ahlinya berkongsi beberapa set tujuan komunikatif yang sama. Tujuan yang dikongsi bersama ini merupakan penentu utama sesuatu genre itu. Aspek tujuan ini dipilih daripada aspek bentuk (yang mudah diperlihatkan) dalam menentukan kelompoknya dalam sesuatu genre. Sebab lain memilih tujuan daripada bentuk ialah untuk membantu pembaca mengenali satu penyelidikan yang asli daripada yang palsu. Seorang penipu dengan mudah dapat meniru bentuk sesuatu genre tertentu

dan hanya satu cara untuk mengenalinya ialah melalui “*identifiable communicative purpose*” yang akan memberikan “*contextual clues*” untuk menunjukkan perbezaannya (Swales, 1990: 49).

Aspek tujuan ini walau bagaimanapun sukar dikenal pasti berbanding dengan aspek bentuk, disebabkan sesuatu tujuan itu terselindung. Dalam keadaan tertentu, ada bentuk-bentuk genre yang mudah dan jelas dikenal pasti berdasarkan aspek tujuan, misalnya genre resepi masakan. Genre ini bertujuan memberi arahan-arahan yang jelas bagi memastikan aktiviti-aktiviti tertentu dijalankan berdasarkan arahan-arahan tersebut yang akan memberikan hasil yang dikehendaki.

Mengikut Painter (2001: 170) tujuan sesuatu genre itu menentukan bentuknya, yakni struktur skematiknya. Dalam hubungan ini, penanda yang digunakan untuk menerangkan struktur generik sesuatu teks itu, bukanlah terma seperti ‘Pendahuluan’, ‘Kandungan’ atau ‘Penutup’. Ini kerana, terma tersebut hanya memperkenalkan bahagian-bahagian dalam sesuatu teks tanpa menyatakan fungsinya. Ahli-ahli Sistemik-Fungsional lebih menggemarki penanda yang menyatakan fungsi pada peringkat-peringkat genre kerana ia akan menunjukkan bahawa sesuatu teks itu mempunyai bahagian-bahagian yang dapat dikenal pasti bagi membolehkan pengamalnya mencapai tujuan sosial.

2.1.1 Pendekatan Genre Dalam Menganalisis Struktur Wacana.

Bahagian ini membincangkan pendekatan yang digunakan untuk menganalisis struktur genre wacana berita politik. Struktur genre mengikut Khatpalia (1992: 74) adalah merujuk kepada “... characteristics or conventional

patterns of whole texts or discourses with specific communicative goals". Dengan ini, kajian tentang genre melibatkan kajian teks secara keseluruhan jika dibandingkan dengan kajian laras bahasa yang hanya menumpukan pada aspek linguistik bahagian-bahagian tertentu sesuatu teks sahaja.

Untuk tujuan analisis wacana berita ini, pendekatan yang digunakan adalah berdasarkan analisis genre yang telah diperkenalkan oleh Swales (1981, 1990), Bhatia (1993) dan pengkaji-pengkaji lain.

Terdapat dua aliran pemikiran atau mazhab yang berkaitan dengan genre, iaitu yang dipelopori oleh Swales dan Halliday. Kedua-duanya berbeza dari segi teorinya tetapi tidak wujud konflik di antara kedua-duanya. Dalam aliran pemikiran yang pertama, John Swales merupakan tokoh utama kerana kebanyakan bukunya memberikan perhatian kepada genre akademik (Swales, 1981, 1990). Swales telah menggunakan istilah 'analisis genre' apabila menganalisis struktur organisasi bahagian pendahuluan artikel dan juga abstrak. Pendekatan ini dikenali sebagai pendekatan genre. Dalam analisis ini, Swales telah memperkenalkan satu terma yang dikenali sebagai gerakan (*move*) apabila mengkaji bahagian pendahuluan artikel tersebut. Beliau mengkaji artikel berkenaan dengan memfokuskan kepada apa yang dipilih oleh penulis (dan ada kalanya diperlukan) untuk membina teks mereka. Swales telah mendapati bahawa satu makro-struktur yang umum wujud untuk bahagian pendahuluan artikel tersebut dalam bentuk satu siri gerakan. Siri gerakan ini wujud dalam pola yang dapat dikenal pasti.

Dalam kajian beliau (1981) terhadap 48 buah artikel dalam bidang fizik, biologi, perubatan dan sains sosial,¹ Swales mendapati penulis kertas penyelidikan akademik memperlihatkan persamaan yang jelas dalam penyusunan bahagian pendahuluan artikel mereka. Struktur atau model yang digunakan oleh Swales untuk menganalisis bahagian pendahuluan tersebut dikenali sebagai *four-move cognitive structure*.

Model ini mengandungi empat (4) gerakan komunikatif seperti berikut :

Gerakan Pertama : Mewujudkan Bidang

Gerakan Kedua : Meringkaskan Kajian Yang Lalu

Gerakan Ketiga : Persediaan Untuk Kajian Kini

Gerakan Keempat : Memperkenalkan Kajian Kini

Model ini kemudiannya mendapat kritikan daripada pengkaji-pengkaji lain yang membuat kajian bahagian pendahuluan artikel, yang mendapati bahawa terdapat kesukaran untuk memisahkan Gerakan Pertama (Mewujudkan Bidang) dengan Gerakan Kedua (Meringkaskan Kajian Lalu). Oleh itu, dalam penerbitan Swales yang terkemudian, beliau sendiri memikirkan perlu untuk mengubah suai modelnya itu dengan menggabungkan Gerakan Pertama dengan Gerakan Kedua menjadi satu kategori yang dikenali sebagai "Pengendalian Kajian Lalu".

Model Swales yang baru tersebut adalah seperti berikut:

Gerakan 1 : Pengendalian Kajian Yang Lalu

Gerakan 2 : Persediaan Untuk Kajian Kini

Gerakan 3 : Memperkenalkan Kajian Kini

Pada tahun 1990, Swales telah mengubah suai model ini kepada model baru yang dipanggil *Create a Research Space (CARS) Model* (Jadual 2.1) untuk bahagian pendahuluan artikel. Model ini menggunakan struktur tiga-gerakan (*three-move structure*) dan analisis yang digunakan ialah analisis gerakan-langkah (*move-step*). Daripada analisis Swales dalam model CARS tersebut, didapati bahawa bahagian pendahuluan artikel penyelidikan ditandai oleh tiga (3) gerakan dan di dalam tiap-tiap gerakan tersebut terdapat beberapa langkah tertentu yang diambil oleh penulis untuk menyatakan faktanya. Analisis itu juga mendapati tidak semua langkah tersebut diambil, ia dipilih berdasarkan kesesuaian maksud yang hendak dinyatakan oleh penulis.

Susulan daripada usaha-usaha rintis Swales dalam bahagian pendahuluan artikel akademik, kebanyakan analisis genre yang dijalankan seterusnya adalah berkaitan dengan analisis berbagai-bagai gerakan yang digunakan oleh penulis untuk menulis suatu seksyen yang terdapat dalam sebuah teks atau untuk memperkembang argumen mengenai topik tersebut. Di antara pengkaji-pengkaji tersebut ialah Dudley-Evans (1986), Peng (1987), Bhatia (1993) dan Azirah (1996).

Jadual 2.1 : Model CARS untuk Pendahuluan Artikel

Gerakan 1	Menentukan suatu skop
Langkah 1	Mendapatkan pemasatan dan/atau
Langkah 2	Mengenengahkan topik umum dan/atau
Langkah 3	Meninjau item kajian lalu Retorik menurun
Gerakan 2	Menentukan suatu bidang
Langkah 1A	Menolak dakwaan atau
Langkah 1B	Menunjukkan ruang atau
Langkah 1C	Menimbulkan soalan atau
Langkah 1D	Meneruskan satu tradisi Kekurangan pengetahuan
Gerakan 3	Memenuhi suatu bidang
Langkah 1A	Merangka tujuan atau
Langkah 1B	Mengumumkan penyelidikan terkini
Langkah 2	Memaklumkan dapatan utama
Langkah 3	Memperlihatkan struktur Artikel Penyelidikan Menambahkan kejelasan

Swales (1990: 141)

Dudley-Evans (1986), yang mengkaji bahagian pendahuluan disertasi sarjana sains mendapati ia mempunyai pola organisasi yang sama seperti yang dicadangkan oleh Swales (1981) untuk bahagian pendahuluan artikel. Oleh kerana bahagian pendahuluan ini lebih panjang kandungannya, jumlah gerakan ditambah daripada empat (4) kepada enam (6) gerakan. Beliau juga mendapati pendekatan analisis gerakan dapat diaplikasikan dalam analisis bahagian perbincangan disertasi. Analisis ini juga mendapati hubungan-klausa (*clause-relation*) ‘Situasi → Masalah → Penyelesaian → Penilaian’ (*Situation → Problem → Solution → Evaluation*) yang diperkembang oleh Hoey (1983) merupakan isyarat (*signal*) penukar di antara satu gerakan kepada gerakan yang lain, terutama dalam bahagian pendahuluan disertasi. Dalam konteks ini, hubungan klausa mempunyai kaitan dengan gerakan atau *move* ialah apabila sesuatu teks itu diurai struktur organisasinya, ia boleh dibahagikan kepada bahagian-bahagian tertentu misalnya situasi iaitu latar belakang, konteks situasi atau latar yang memperkenalkan masalah. Masalah pula merupakan satu bentuk ketidakpuashatian yang wujud dalam sesuatu situasi. Penyelesaian menyatakan tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah manakala penilaian memberikan pandangan penulis terhadap keberkesanan tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah tersebut. Dengan itu, setiap struktur tersebut iaitu situasi-masalah-penyelesaian-penilaian dapat disamakan dengan gerakan atau langkah yang diambil oleh penulis bagi menyatakan maksud atau tujuan komunikatif sesuatu perenggan itu.

Peng (1987) telah mengkaji bahagian pendahuluan 10 artikel kejuruteraan kimia dengan mengaplikasikan tiga model gerakan yang telah diubah suai oleh Swales. Dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa bahagian

pendahuluan artikel berkenaan mengandungi ketiga-tiga gerakan yang terdapat dalam model Swales dan amnya dalam susunan gerakan 1-2-3. Gerakan dalam bahagian pendahuluan yang ditemui oleh Peng adalah seperti berikut:

1. Pengendalian Kajian Yang Lalu
2. Persediaan Untuk Kajian Kini
3. Memperkenalkan Kajian Kini

.. Bhatia (1993) telah memberikan definisi genre profesional dan akademik sebagai :

A recognizable communicative event characterised by a set of communicative purposes identified and mutually understood by the members of the professional or academic community in which it occurs.

(Bhatia, 1993: 13)

Bhatia dengan menggunakan Model Swales telah menganalisis struktur beberapa genre tertentu yang terdapat dalam bidang perniagaan, akademik dan profesional terutamanya perundangan. Dalam bidang perniagaan sebagai contoh, beliau telah menganalisis struktur surat promosi jualan yang ditulis oleh pihak bank dan surat permohonan jawatan dengan menggunakan Model Swales. Analisis tersebut berdasarkan gerakan yang digunakan oleh penulis untuk mencapai tujuan komunikatifnya.

Daripada analisis beliau, didapati penulis surat promosi jualan telah menggunakan tujuh (7) gerakan seperti berikut:

1. menyatakan pengesahan.
2. memperkenalkan tawaran
3. menawarkan insentif

4. menyertakan dokumen
5. mendapatkan tindak balas
6. menggunakan taktik desakan
7. mengakhiri secara sopan

Daripada pengamatan beliau, Bhatia mendapati bahawa gerakan tidak perlu sama dalam satu perenggan, dan dalam satu perenggan boleh terdiri daripada satu atau lebih gerakan. Walaupun surat tersebut mengandungi tujuh (7) gerakan, adalah tidak wajib untuk penulis menggunakan kesemua gerakan tersebut dalam urutan yang sama. Terdapat fleksibiliti dalam penggunaan gerakan tersebut bergantung kepada keperluannya kerana sesetengah gerakan lebih penting atau diperlukan daripada yang lain.

Berhubung dengan surat permohonan jawatan, Bhatia telah menemui tujuh (7) gerakan seperti berikut :

1. menyatakan pengesahan
2. memperkenalkan calon
3. menawarkan insentif
4. menyertakan dokumen
5. mendapatkan tindak balas
6. menggunakan taktik desakan
7. mengakhiri secara sopan.

Jika dibandingkan gerakan yang terdapat dalam surat promosi jualan dengan surat permohonan jawatan, didapati bilangan gerakan yang digunakan adalah

sama banyak bilangannya dan begitu juga gerakan yang digunakan adalah hampir sama, perbezaannya hanya terletak pada tujuan komunikatifnya sahaja yang berbeza.

Dalam bidang akademik pula, Bhatia telah mengkaji struktur bahagian abstrak dan bahagian pendahuluan yang terdapat dalam sebuah artikel penyelidikan. Daripada analisis beliau, terdapat empat (4) gerakan yang digunakan oleh penulis untuk membentuk struktur abstrak tersebut, iaitu:

1. memperkenalkan tujuan
2. menguraikan metodologi
3. meringkaskan dapatan
4. memberikan kesimpulan

Untuk contoh kes perundangan, dalam analisisnya Bhatia telah memberikan empat (4) gerakan yang biasa ditemui dalam struktur kes tersebut, iaitu :

1. mengenal pasti kes
2. mewujudkan fakta kes
3. memperhujahkan kes
4. mengumumkan keputusan pengadilan

Azirah (1996), telah mengaplikasikan kerangka teori Swales dan Linguistik Sistemik-Fungsional Halliday dalam analisis beliau terhadap 24 artikel perubatan yang dipetik daripada jurnal perubatan. Beliau mengkaji ciri-ciri organisasi dan nahu yang terdapat dalam tiap-tiap bahagian artikel tersebut. Hanya dapatan kajian beliau dalam aspek organisasi teks sahaja akan dipaparkan kerana ia

mempunyai kaitan dengan penyelidikan ini. Dalam menentukan ciri-ciri organisasi teks berkenaan, Azirah telah menggunakan analisis gerakan yang diperkenalkan oleh Swales dalam analisis bahagian pendahuluan artikel.

Hasil utama kajian Azirah ialah tiap-tiap bahagian yang dikaji iaitu abstrak, pendahuluan, kaedah, hasil dan perbincangan yang terdapat dalam bahagian artikel perubatan mempunyai kandungan yang mengikut susunan yang lebih kurang sama. Tiap-tiap bahagian tersebut mengandungi beberapa gerakan yang sama ada wajib atau merupakan pilihan. Gerakan tersebut memberikan ilustrasi yang jelas bagaimana sebuah artikel perubatan itu dibentuk iaitu dari kajian terhadap organisasi teks tersebut. Ia juga memaparkan unit semantik yang mempunyai kaitan dengan penulis. Ini didapati melalui kajian terhadap gerakan dalam sesuatu genre yang direalisasikan melalui bahasa. Oleh kerana setiap genre dibentuk daripada beberapa peringkat, dengan itu dapat dikatakan bahawa peringkat-peringkat yang berlainan mempunyai pemilihan nahuleksikal (*lexicogrammatical*) yang berbeza. Penulis akan memilih ciri-ciri nahuleksikal yang sesuai untuk setiap gerakan bagi menyampaikan maksud gerakan tersebut. Dengan itu, setiap gerakan akan memaparkan unit semantik yang berbeza bergantung kepada tujuan gerakan tersebut dan tujuan yang hendak dicapai oleh penulis.

Contoh gerakan untuk bahagian pendahuluan dalam artikel perubatan yang dikaji adalah seperti berikut :

Gerakan 1 : Menyatakan Premis

Gerakan 2 : Menyatakan Masalah

Gerakan 3 : Menyatakan Proposal

Jika dibandingkan gerakan untuk bahagian pendahuluan di atas yang terdapat dalam artikel perubatan yang dikaji oleh Azirah dengan gerakan yang terdapat dalam artikel akademik yang dianalisis oleh Swales (lihat Jadual 2.1 : Model CARS untuk Pendahuluan Artikel), didapati gerakan yang terdapat dalam kedua-dua jenis artikel berkenaan adalah berbeza. Perbezaan yang ketara ini adalah disebabkan kajian ini menggunakan data yang berbeza iaitu data yang hanya semata-mata daripada artikel perubatan, manakala Swales menggunakan data daripada artikel penyelidikan yang terdiri daripada berbagai-bagai disiplin seperti kejuruteraan, sains, fizik, kimia dan sebagainya. Gerakan yang terdapat dalam artikel perubatan tersebut adalah yang ditemui dalam artikel perubatan pembedahan dan tidak sesuai untuk artikel dalam bidang yang lain.

Pak (1996), dalam kajian analisis genrenya cuba menunjukkan persamaan dan perbezaan dalam pola retorikal merentas kebudayaan yang terdapat pada rencana pengarang akhbar, iaitu (1) antara kumpulan bahasa (bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris) dan (2) antara rencana pengarang Sepanyol dan Mexican. Sampel kajian terdiri daripada 90 rencana pengarang yang terdapat pada akhbar daripada tiga kebudayaan, iaitu Inggeris, Sepanyol dan Mexico. Kajian ini memeriksa ciri-ciri struktural, stilistik dan linguistik yang terdapat pada rencana pengarang tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa rencana pengarang bahasa Sepanyol mempunyai ciri tertentu yang membezakannya daripada rencana pengarang bahasa Inggeris (Amerika) dan juga terdapat perbezaan linguistik dan retorik yang signifikan di antara rencana pengarang bahasa Mexican dengan bahasa Sepanyol. Apabila dibandingkan dengan rencana pengarang Sepanyol, didapati rencana pengarang Mexican menggunakan pendekatan yang jauh (*a more distanced*

approach) apabila menilai keadaan politik dan memaparkan gaya yang lebih formal dan terperinci.

Nwogu (1997) pula membuat kajian terhadap 15 artikel yang terdapat dalam jurnal perubatan. Beliau mengkaji struktur maklumat dan fungsi artikel berkenaan. Kajian ini dilakukan berdasarkan model Analisis Genre Swales (1981, 1990). Dalam kajian ini, didapati artikel perubatan mempunyai 11 unit skematik atau gerakan, iaitu tiga (3) di bahagian pendahuluan dan perkaedahan, dua (2) di bahagian hasil/dapatan dan empat (4) di bahagian perbincangan. Jika dibandingkan dengan kajian Swales (1990), Swales mengenal pasti tiga (3) gerakan yang terdapat dalam bahagian pendahuluan artikel. Ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan dalam gerakan yang terdapat pada kajian Swales (1990) dengan kajian Nwogu. Walau bagaimanapun, tidak seperti Swales, kajian ini memberikan kerangka yang jelas bagi menentukan gerakan dan unsur konstituennya.

Aliran pemikiran yang kedua yang memberi perhatian kepada genre ialah Linguistik Sistemik-Fungsional (disingkatkan kepada LSF), terutamanya yang dipelopori oleh ahli-ahli linguistik Australia. Ketua “arkitek” yang bertanggungjawab membina LSF ialah Halliday (1978 , 1985). Kemudian Ventola (1987) telah menggunakan teori ini tetapi dengan mengambil pendekatan yang agak berlainan dan seterusnya diikuti oleh Martin (1992) dipetik daripada Hoey (2001:8). Hasil kerja Ventola terutamanya adalah berkaitan dengan genre lisan tetapi Martin adalah berkaitan dengan genre berbentuk tulisan.

LSF adalah satu teori bahasa umum yang cenderung kepada penggunaan bahasa lisan dan tulisan. LSF telah membentuk satu alat analatikal bagi mengkaji bahasa lisan dan tulisan iaitu bagaimana ayat atau klausa disusun dan bagaimana ayat-ayat bercantum untuk membina keseluruhan teks. Dalam LSF, konsep genre pada mulanya diperkembang oleh Martin bersama-sama dengan Rothery (contohnya 1980,1981,1986) adalah merupakan penambahan kepada teori Halliday yang berkaitan dengan hubungan antara bentuk, fungsi dan konteks. Mengikut teori ini, hubungan di antara bahasa dengan konteks kebudayaan boleh diperiksa dengan lebih mendalam dengan cara menganalisis bagaimana teks lisan dan tulisan distruktur dan dibentuk bagi mencapai matlamat dan tujuan sesuatu kebudayaan tertentu.

Satu kajian yang agak mendalam telah dilakukan oleh Lewin dll. (2001) yang menggunakan pendekatan genre untuk mengkaji teks penyelidikan sains sosial. Kajian tersebut adalah berdasarkan kajian ahli-ahli bahasa sistemik seperti Halliday, Hasan, Martin dan Ventola serta kajian analisis genre oleh Swales. Kajian ini melihat gerakan yang terdapat pada bahagian pendahuluan dan perbincangan teks berkenaan serta kohesi leksikal yang terdapat pada teks penyelidikan tersebut. Kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan di antara Kohesi leksikal dan gerakan apabila menghubungkan kohesi leksikal dengan unit genre artikel penyelidikan tersebut tetapi terdapat hubungan dengan unit di peringkat makro bahagian pendahuluan dan perbincangan. Kurangnya hubungan di antara kohesi leksikal dan unit gerakan tersebut mengikut Lewin dll. (2001: 122) adalah “... probably due to the relatively short length of moves and their composition, of various acts that makes them functionally heterogeneous”.

Menurut Hoey (2001), sebagai tambahan kepada ahli-ahli bahasa yang telah disebutkan di atas, yang telah meletakkan diri mereka dalam pendekatan genre tertentu, terdapat beberapa orang ahli bahasa lain yang menjalankan kajian terhadap genre tertentu tanpa memilih pendekatan yang berkaitan dengan kedua-dua sekolah tersebut. Mereka ini terdiri daripada Van Dijk (1988), Fowler (1991) dan Bell (1991) serta Cook (1992) yang mengkaji teks periklanan, yang lain kesemuanya mengkaji laporan berita yang terdapat dalam surat khabar.

2.2 KONSEP KOHESI

Pada awal tahun 70-an, iaitu ketika analisis teks masih berada pada tahap awal, beberapa penulisan telah diterbitkan yang berkaitan dengan kohesi. Kajian paling awal ialah oleh Quirk, Greenbaum, Leech dan Svartvik (1972) dipetik daripada Hoey (1991). Selain daripada itu ialah kajian oleh Gutwinski (1976) yang memberikan tumpuan kepada keupayaan mengaplikasikan stilistik dalam kajian wacana, dan telah menjadi titik permulaan kepada kajian-kajian lain dalam bidang stilistik. Namun, Halliday dan Hasan (1976) merupakan pengkaji yang paling terkenal dan mempunyai audien yang paling ramai kerana kerja-kerja mereka yang begitu terperinci dalam bidang kohesi.

2.2.1 Model Halliday-Hasan

Berdasarkan kerangka Halliday berkaitan dengan stilistik (1964a, 1964b), dipetik daripada Okurowski (1986: 2), Hasan (1964) membentuk konsep kohesi dalam disertasi kedoktorannya yang bertajuk “*A Linguistic Study of*

Contrastive Features in the Style of Two Contemporary English Prose Writers".

Kemudiannya, Halliday dan Hasan bekerjasama bagi menghasilkan "*Cohesion in English*" pada tahun 1976. Dalam kerja ini, kohesi tidak dicadangkan sebagai satu model yang bebas, tetapi terdiri daripada satu set sistem yang terkandung di dalam komponen textual yang terdapat pada model sistemik bahasa Halliday (1970, 1973, 1977, 1978). Seterusnya, pada tahun 1985, dalam penulisannya yang berjudul "*An Introduction to Functional Grammar*", Halliday (1985a) membincangkan bagaimana kohesi dibina dalam bahasa Inggeris.

Kohesi merujuk kepada isyarat sintaktik dan semantik yang menghubungkan ayat-ayat di dalam sesuatu teks. Menurut Halliday dan Hasan (1976 : 4) "*the concept of cohesion is a semantic one; it refers to relations of meaning that exist within the text, and that define it as a text*". Perkataan teks mengikut Halliday dan Hasan lagi boleh merujuk kepada sesuatu petikan sama ada lisan atau tulisan, dengan sebarang kepanjangan, yang membentuk satu keseluruhan (*a unified whole*). Halliday dan Hasan berpendapat penentu utama yang menentukan sesuatu kelompok ayat itu boleh dianggap sebagai teks atau tidak bergantung kepada hubungan-hubungan kohesif yang terdapat di dalam dan di antara ayat-ayat tersebut, yang mewujudkan jalinan atau tekstur (Brown dan Yule, 1983: 191). Teks mempunyai tekstur, dan inilah yang membezakannya daripada sesuatu yang bukan teks. Tekstur ini dibentuk oleh hubungan yang kohesif atau padu (Halliday dan Hasan, 1976: 2).

Mengikut Stoddard (1991), satu daripada asas yang membentuk tekstur ialah kohesi iaitu sejenis alat penyatuan yang kita bina sama ada secara

disedari atau tidak disedari tatkala kita membina teks. Bagi Halliday, hubungan kohesif wujud apabila tafsiran sesuatu unsur dalam wacana bergantung pada tafsiran unsur lain. Yang satu mengandaikan (*presupposes*) yang lain, dalam erti bahawa sesuatu itu tidak dapat ditafsir tanpa meminta bantuan yang lain. Eggins (1994: 88) menjelaskan hal ini dengan menyatakan “the key notion behind cohesion, then, is that there is a semantic tie between an item at one point in a text and an item at another point. The presence of the tie makes at least one of the items dependent upon the other for its interpretation”.

Contoh paradigma hubungan yang padu atau kohesif itu diberikan oleh Halliday dan Hasan (1976: 2) seperti berikut:

Wash and core *six cooking apples*. Put *them* into a fire proof dish.

Dalam ayat ini, jelaslah bahawa ‘*them*’ pada ayat kedua memberi kohesi atau tautan terhadap kedua-dua ayat tersebut dengan merujuk kepada ‘*six cooking apples*’ dalam ayat pertama. Jika dilihat dari segi hubungan ‘-phoric’ item yang merujuk kepada sesuatu di dalam teks yang sama dikatakan berfungsi secara anaforik. Dalam konteks ini ‘*them*’ yang merujuk kepada ‘*six cooking apples*’ dikatakan mempunyai hubungan anaforik. Fungsi anaforik ‘*them*’ ini memberikan keutuhan kepada kedua-dua ayat itu, sehingga kita mentafsirkannya sebagai satu keseluruhan. Kedua-dua ayat ini bersama-sama membentuk teks (Halliday dan Hasan, 1976: 2).

Hubungan item-item yang terdapat di dalam teks itu sebahagiannya adalah semantik dan nahan yang dipanggil ‘ikatan kohesif’ (*cohesive tie*). Terma ‘ikatan kohesif’ yang digunakan oleh Halliday dan Hasan (1976) ini bermaksud “a

term for one occurrence of a pair of cohesively related items" (1976: 3). Hubungan di antara, 'them' dan 'six cooking apples' dalam contoh di atas mengandungi satu ikatan, iaitu ikatan rujukan (*reference*) dan satu siri ikatan-ikatan kohesif tersebut (mempunyai rujukan yang sama) dipanggil rantai kohesif (*cohesive chain*). Konsep ikatan ini membolehkan analisis dijalankan terhadap sesuatu teks dari sudut kohesifnya, dan memberikan pola-pola jalinan atau tekstur. Ikatan kohesif yang berbeza dikategorikan oleh Halliday dan Hasan (1976) sebagai : rujukan, substitusi, elipsis, kata hubung dan kohesi leksikal.

Halliday dan Hasan (1976: 6), telah menggabungkan ikatan kohesif rujukan, substitusi, elipsis, kata hubung dan kohesi leksikal kepada tiga (3) kategori yang besar iaitu kohesi nahuan (*grammatical cohesion*), kohesi leksikal (*lexical cohesion*) dan kohesi kata hubung (*conjunctive cohesion*). Rujukan, penggantian dan elipsis telah diletakkan di dalam kategori kohesi nahuan. Ini kerana mengikut Halliday dan Hasan (1976: 6), "some forms of cohesion are realized through the grammar and others through the vocabulary". Pengkategorian yang dibuat oleh Halliday ini berdasarkan analisis terhadap teks kesusastraan Inggeris, temuduga, transkrip dan intuisi penutur jati. Sesebuah teks boleh dianalisis mengikut ketiga-tiga kategori ini untuk melihat ikatan-ikatan yang bermakna dalam teks tersebut.

Dalam bahagian berikutnya, Model Halliday dan Hasan akan dibincang secara terperinci dengan menggunakan contoh-contoh dari data. Model ini dipilih untuk dibincangkan kerana ia digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji kohesi rujukan dan kohesi kata hubung yang terdapat pada wacana berita politik.

Model Halliday dan Hasan juga merupakan model yang dijadikan acuan oleh kebanyakan pengkaji bahasa apabila menjalankan kajian dalam bidang kohesi kerana ia merupakan model yang paling lengkap membincarkan alat-alat kohesif yang boleh mewujudkan tautan atau kohesi.

2.2.1.1 Kohesi Nahuan

Halliday dan Hasan membahagikan kohesi nahuan kepada tiga (3) jenis iaitu **rujukan** (*reference*), **penggantian** (*substitution*), dan **elipsis** (*ellipsis*). Kohesi nahuan melibatkan struktur nahu bahasa Inggeris seperti penentu, perbandingan dan kata ganti nama, juga sebagai proses yang di dalamnya perkataan-perkataan tersebut mempunyai hubungan dengan perkataan sebelumnya di dalam teks. Kohesi nahuan berfungsi untuk menghubungkan unsur linguistik gramatikal dengan unsur linguistik gramatikal yang lain di antara ayat dengan ayat, dengan menggunakan tautan-tautan yang kohesif dalam sesebuah teks (Khatijah, 1997: 69).

2.2.1.1.1 Rujukan

Mengikut Halliday dan Hasan (1976: 304), dari segi makna nahu rujukan ialah “... actually a semantic relation, a relation between meanings of particular instances rather than between words or other items of linguistic form”. Sebagai huraihan lanjut, rujukan ialah satu hubungan semantik, yakni hubungan di antara makna sesuatu perkara tertentu dan bukan di antara bentuk linguistik lain seperti perkataan atau frasa.

Wong (1996: 59) apabila memperkatakan kewujudan rujukan, menyatakan, "it occurs whenever an item indicates that the identity of what is being talked about can be retrieved from the immediate context". Dengan itu, rujukan melibatkan butiran yang tidak boleh ditafsirkan secara tersendiri, tanpa membuat perujukan kepada sesuatu unsur lain untuk mendapatkan maksudnya. Terdapat dua cara untuk mendapatkan makna sepenuhnya sesuatu rujukan. Pertama ialah dengan melihat di dalam teks berkenaan dan kedua ialah dengan melihat di luar teks, iaitu di dalam dunia sebenar.

Apabila sesuatu butiran rujukan itu merujuk kepada wacana itu sendiri, ia dikenali sebagai rujukan endofora (*endophora*) atau rujukan tekstual. Sebaliknya apabila butiran yang dirujuk itu merujuk kepada situasi atau berada di luar wacana, ia dikenali sebagai rujukan eksofora (*exophora*) atau rujukan situasi. Dalam hal ini, Gutwinski (1976: 67) memberikan tafsiran rujukan eksofora sebagai satu butiran yang merujuk kepada satu situasi di luar bahasa. Contoh yang diberikan ialah apabila kita menyebut buku itu dan menunjukkan dengan gerak isyarat mana satukah buku yang dimaksudkan. Rujukan eksofora terdapat di dalam situasi yang pesertanya mempunyai satu pengalaman yang dikongsi bersama. Sekiranya sesuatu item hanya boleh ditafsirkan dengan menggunakan maklumat yang terdapat di luar teks (konteks situasi) dan di dalam konteks (dalam teks), oleh itu interpretasi tersebut tidak membentuk satu ikatan di antara ayat dan tidak memberi sumbangan kepada penyatuan teks.

Dalam bahasa Inggeris, butiran rujukan ini terbahagi kepada tiga (3) jenis, iaitu rujukan diri (*personal reference*) seperti *I, you, he, they, it, one* dan lain-

lain lagi; rujukan penunjuk (*demonstrative reference*) seperti *this*, *these*, *that*, *those* dan sebagainya; dan rujukan perbandingan (*comparative reference*) seperti '*same*', *similar*, *other*, *better* dan lain-lain lagi (Halliday dan Hassan, 1976: 37-39; dan Jackson, 1982: 103). Dalam bahasa Melayu, penjenisan ini juga boleh dibahagikan kepada tiga seperti dalam bahasa Inggeris dan contoh rujukan ini dapat dilihat pada Jadual 5.2 (Rujukan Dalam Bahasa Melayu) dalam Bab 5.

Contoh penggunaan **rujukan endofora** dan item yang memainkan fungsi dalam ikatan kohesif adalah dalam ayat berikut:

(1) Rujukan diri

TU 023

Ditanya mengenai kenyataan pakar undang-undang pelembagaan, Dr. Abd. Aziz Bari bahawa perlombagaan Kelantan boleh dipinda tanpa perkenan sultan, Nik Aziz berkata, *beliau* sebenarnya sudah tahu lama mengenai perkara itu.

"Cuma dia tolong beritahu itu, Alhamdulillah bagi mempercepatkan ranumnya buah yang ditunggu itu," katanya.

Dalam ayat (1) di atas terdapat penggunaan kata ganti nama diri orang ketiga **beliau**, **dia** dan **-nya** yang merujuk kepada kata nama khas **Nik Aziz**.

(2) Rujukan penunjuk

TB 165

Perdana Menteri berkata, **jawatankuasa itu** akan ditubuhkan di bawah Lembaga disiplin parti dan dianggotai badan bebas yang diketuai bekas Menteri Luar, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen.

Dalam ayat (2) di atas, itu yang merupakan penentu belakang bertindak sebagai rujukan penunjuk kepada kata nama am **jawatankuasa**.

(3) Rujukan perbandingan

TB 164

“Kajian yang saya lakukan tidak mengambil masa lama, tetapi saya akan berlaku adil kepada semua pihak iaitu Umno Kuantan, Fauzi sebagai wakil rakyat Beserah dan **calon lain** yang menjalankan haknya sebagai ahli parti.

Dalam contoh (3) di atas, didapati perkataan **lain** merujuk kepada kata nama am **calon** bagi menghasilkan rujukan perbandingan.

2.2.1.1.2 Penggantian

Dalam penulisannya pada tahun 1976 mengenai kohesi, Halliday dan Hasan telah memisahkan di antara penggantian dengan elipsis, walaupun mereka mengakui bahawa kedua-dua jenis kohesi ini sebenarnya adalah sama. Dalam penulisannya yang terkemudian, Halliday (1985) telah menggabungkan penggantian dan elipsis ke dalam satu kategori (Nunan, 1993: 24).

Menurut Halliday dan Hasan (1976: 88), penggantian adalah hubungan yang terdapat di dalam perkataan dan bukan dalam makna. Penggantian adalah hubungan di antara item-item linguistik, seperti perkataan dan frasa dan ini membezakannya daripada rujukan yang melihat kepada hubungan di antara makna, seperti yang dinyatakan dalam 2.2.1.1.1. Dalam pengertian yang lebih mudah,

penggantian berlaku apabila sesuatu item itu diganti dengan item yang lain.

Penggantian merupakan hubungan yang wujud di dalam teks.

Hatch (1994: 224) juga menegaskan, “in contrast to reference, substitution refers not to a specific entity but to a class of items”. Dalam contoh yang diberikannya “Did you find the blankets? Only the blue *ones*”. Dalam ayat tersebut “*ones*” bukan merujuk kepada “*the blankets*” tetapi kepada satu kelas “*blankets*” iaitu yang berwarna biru.

Kebanyakan penggantian adalah endoforik (merujuk ke dalam wacana) dan anaforik (merujuk kepada sesuatu dalam teks yang sama). Oleh kerana penggantian merupakan hubungan nahuan, oleh itu jenis-jenis penggantian seperti kata nama, kata kerja dan klausa didefinisikan secara nahuan dan bukan secara semantik.

Dalam bahasa Inggeris, contoh penggantian kata nama adalah *one*, *ones*, *same*, penggantian kata kerja adalah *do* dan penggantian klausa adalah *so* dan *not*. Mengikut Tarigan (1995: 128), penggantian dalam bahasa Melayu dapat bersifat sebagai kata nama, kata kerja, klausa atau campuran; misalnya **satu**, **sama**, **seperti itu**, **sedemikian rupa**, **demikian**, **begitu** dan **melakukan hal yang sama**.

Contoh penggunaan penggantian adalah terdapat pada ayat berikut :

(4) TU 077

Beliau yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, sekiranya perbincangan ingin diadakan, ia seharusnya berteraskan ilmiah dan secara akademik oleh mereka yang ahli.

“Kami sentiasa bersetuju diadakan perbincangan secara akademik oleh mereka yang ahli. Cadangan ini telah kami kemukakan sejak beberapa tahun yang lalu,” ujar Abdul Hadi.

Beliau berpendapat muzakarah adalah sebaik-baik jalan penyelesaian mengakhiri isu yang berlarutan sejak 20 tahun lalu.

Abdul Hadi menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa Pas sedia bermuzakarah dengan Umno mengenai amanat itu.

Dalam contoh (4), perkataan **demikian** dalam perenggan keempat petikan berita di atas menggantikan kata-kata Menteri Besar Terengganu berhubung dengan keperluan mengadakan perbincangan secara akademik dan persetujuan mengadakan perbincangan itu telah pun disuarakan sejak lama serta perbincangan itu perlu bagi menyelesaikan isu yang berlarutan seperti yang terdapat pada perenggan 1, 2 dan 3 petikan tersebut.

2.2.1.1.3 Elipsis

Elipsis mengikut Halliday dan Hasan (1976: 142) adalah sebagai “*substitution by zero*”, yakni penggantian kosong; iaitu sesuatu yang ada tetapi tidak diucapkan atau tidak dituliskan, namun difahami oleh penutur atau pembaca. Pengertian elipsis tersebut juga bersamaan dengan pengertian oleh Kridaklaksana (1983: 40), iaitu “peniadaan kata atau satuan lain yang wujud asalnya dapat diramalkan dari konteks bahasa atau konteks luar bahasa”.

Jika dibandingkan dengan rujukan, telah diperkatakan bahawa rujukan adalah hubungan semantik, yakni sumber interpretasi unsur tertentu perlu dicari di tempat lain di dalam teks, elipsis mengikut Halliday (1977: 189), “...is a

purely formal relation, in which some item is to be transported from elsewhere to fill a designated slot. Ellipsis is essentially a relation within the text, and not like reference, a relation of text to environment in which the relevant environmental feature may happen incidentally to be located in the text”.

Seperti juga penggantian, elipsis adalah hubungan yang terdapat di dalam teks dan dalam sebilangan besar contoh, item yang mengandaikan itu terdapat dalam teks terdahulu. Dengan ini, dapat dikatakan pada kebiasaannya, elipsis merupakan hubungan anaforik. Kadang kala, pengandaian yang terdapat dalam struktur eliptikal itu, boleh menjadi eksoforik. Contohnya ialah apabila seorang suri rumah melihat kedatangan penjual susu, beliau akan berkata, “Dua ya” untuk maksud susu yang digugurkan atau tidak diucapkan. Dalam hal ini, suri rumah tersebut menggunakan elipsis eksoforik. Mengikut Halliday dan Hasan, elipsis eksoforik tidak mempunyai tempat dalam kohesi kerana ia tidak memberi sumbangan bagi mewujudkan kohesi dalam teks.

Elipsis adalah pengguguran pada tingkat perkataan dan struktur. Elipsis terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu elipsis kata nama, kata kerja dan klausa. Penjenisan ini adalah sama dengan penjenisan penggantian.

Contoh penggunaan elipsis terdapat pada ayat berikut :

(5) TB 143

Ditanya apakah kerajaan menambah anggota Unit Simpanan Persekutuan untuk membendung kegiatan pembangkang, Abdullah berkata, polis menambah anggota (0) bagi mengawasi perairan terutama di Laut China Selatan terutama selepas kejadian penculikan.

Dalam contoh di atas, terdapat pengguguran klausa **Unit Simpanan Persekutuan** selepas perkataan **anggota** yang ditandai dengan angka kosong (0). Pengguguran ini adalah bagi mengelakkan pengulangan perkataaan atau untuk maksud kepraktisan, walau bagaimanapun masih wujud tautan dalam ayat tersebut.

2.2.1.2 Kohesi Leksikal

Dalam sesuatu teks, kesinambungan dapat dihasilkan melalui pemilihan perkataan. Ini boleh dicapai dengan cara mengulang perkataan atau memilih satu perkataan yang mempunyai kaitan dengan perkataan terdahulu sama ada secara semantik, misalnya kedua-dua perkataan itu adalah sinonim atau berkolokasi.

Halliday dan Hasan (1976), telah membahagikan kohesi leksikal ini kepada dua (2) jenis iaitu **reiterasi** (*reiteration*) dan **kolokasi** (*collocation*). Reiterasi adalah satu bentuk kohesi leksikal yang melibatkan pengulangan item leksikal dan penggunaan kata umum untuk merujuk kembali kepada sesuatu item leksikal. Contoh reiterasi ialah **pengulangan kata, sinonim, supraordinat dan kata umum**.

Kolokasi mengikut Halliday (1976: 284) adalah "...cohesion that is achieved through the association of lexical items that regularly co-occur". Kolokasi boleh melibatkan dua perkataan atau lebih yang mempunyai hubungan semantik, misalnya antonim (lelaki/perempuan), ia juga terdiri daripada perkataan yang terdapat pada satu siri yang tersusun (Selasa/Khamis/Sabtu, Utara/Selatan) atau satu set leksikal yang tidak tersusun (biru/merah/, jalan raya/landasan) atau ia boleh terdiri daripada *co-hyponyms* dalam kelas supraordinat yang sama (kerusi/meja/katil - ketiga-tiganya

adalah hiponim kepada supraordinat perabot) dan sebagainya. Mengikut Halliday (1976: 285), “the members of any such set stand in some kind of semantic relation to one another, but for textual purposes it does not much matter what this relation is”. Sehubungan dengan itu, dalam sesuatu bahasa kemungkinan wujud kohesi di antara sebarang pasangan item leksikal yang mempunyai hubungan di antara satu sama lain. Halliday (1977) menganggap kohesi leksikal sebagai satu tekstur atau jaringan yang istimewa kerana ia dicapai melalui penggunaan perkataan.

Contoh penggunaan **kohesi leksikal** adalah seperti dalam ayat berikut :

(6) TU 016

Isu permohonan tanah dikatakan timbul apabila **pihak istana** menarik balik **darjah** kebesaran yang diberikan kepada Takiyuddin Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Wilayah serta Muhammad Daud iaitu Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Dakwah.

Ekoran itu, Dewan Pemuda Pas memberi kata dua kepada **pihak istana** supaya menjelaskan punca penarikan balik **darjah** tersebut jika alasannya bukan kerana **isu permohonan tanah**.

Contoh (6) di atas memaparkan tiga **pengulangan** iaitu pada peringkat perkataan dan klausa. Perkataan yang diulang secara penuh ialah **darjah** manakala klausanya ialah **isu permohonan tanah** dan **pihak istana**. Pengulangan perkataan dan klausa tersebut dilakukan untuk maksud penegasan dan pautan. Mengikut Halliday dan Hasan (1976: 319), “...the repetition of a lexical item is cohesive in its own right, whether or not there is identity of reference, or any referential relation at all between the two”.

(7) TB 136

Fadzil berkata, tuntutan itu boleh diselesaikan menerusi **perbincangan** pada peringkat Jawatankuasa Teknikal kedua-dua parti sebelum perbincangan sebenar diadakan.

“Kita punyai masa yang luas untuk memanfaatkan **rundingan**. Kita ada agenda, walaupun Umno sudah bayangkan persetujuan, kita nak persetujuan dinyatakan secara lebih lengkap.

Sinonim atau perkataan yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama dengan sesuatu perkataan itu, dapat dilihat dalam contoh (7) di atas. Dalam ayat tersebut perkataan **perbincangan** adalah hampir sama maksudnya dengan perkataan **rundingan**. Mengikut Kamus Dewan (1989: 148), perkataan bincang bermaksud “bertukar-tukar pendapat antara satu dengan yang lain mengenai sesuatu perkara yang penting”, manakala perkataan rundingan (*ibid*: 1084) pula membawa pengertian “perbincangan di antara dua atau banyak untuk menyelesaikan masalah (pertelingkahan, persengketaan dan sebagainya atau mencapai sesuatu persetujuan)”. Dengan itu, perkataan **perbincangan** dan **rundingan** adalah sinonim kerana kedua-duanya melibatkan perbincangan di antara dua pihak (Umno dan Pas) dan terdapat perkara atau isu yang menjadi pokok perbincangan (tuntutan).

(8) TU 092

KUALA LUMPUR 19 April - Pejabat konsulat Malaysia di Pontianak diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga dan ahli keluarga mereka diarah meninggalkan wilayah itu berikutan ancaman penduduk untuk menyerang **bangunan** tersebut.

Satu cara lain untuk menghubungkan perkataan dalam teks dan bagi mewujudkan tautan ialah dengan merujuk semula kepada perkataan tersebut dengan

menggunakan istilah yang dipanggil **supraordinat** (Salkie, 1995: 15). Dalam contoh (8) di atas, hubungan yang terdapat ialah di antara pejabat dan bangunan. Supraordinat merupakan perkataan yang umum dan hiponim merupakan perkataan yang lebih spesifik. Dengan itu, bangunan adalah supraordinat dan pejabat adalah hiponim. Mengikut Salkie (ibid: 16), dalam teks selalunya hiponim yang digunakan dahulu, dan supraordinat diguna untuk merujuk kepada hiponim seperti terdapat dalam contoh di atas.

..
(9) TB 123

BANGI, Isnin – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kesal dengan tindakan ahli Umno yang mengkritik kepemimpinan parti ketika menghadiri perhimpunan Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia, di sini, semalam.

Dalam contoh di atas (9), terdapat penggunaan kata **umum** iaitu perkataan yang mempunyai makna umum dan boleh mewakili perkataan lain walaupun perkataan tersebut tidak tergolong dalam kelas kata tertentu (Simon, 1979 : 60). Dalam contoh ini kata umum tersebut ialah perkataan **tindak**. Perkataan **tindakan** dalam ayat di atas adalah kata nama terbitan bagi kata umum **tindak** dan **tindakan** boleh mewakili kata kerja **mengkritik**. Ikatan kohesif boleh dibentuk apabila sesuatu perkataan itu diwakili oleh perkataan lain dalam ayat yang lain tetapi berkait dengan perkataan tersebut dalam cara yang telah disebut di atas.

(10) TU 063

“Kita tidak payah masuk **Yahudi**, kita tidak payah masuk **Kristian**, kita tidak payah masuk **Hindu**, kita tidak payah masuk **Budha** tetapi kita akan menjadi **kafir** dengan mengatakan politik suku (asing), agama suku”.

Item leksikal juga dihubungkan secara **kolokasi**. Seperti dalam contoh (10) di atas, apabila kita memperkatakan tentang agama, kita juga akan memikirkan jenis-jenis agama yang terdapat seperti **Yahudi, Kristian, Hindu** dan **Budha** juga mungkin tentang fahaman agama seperti **kafir**. Kumpulan kata yang bergaris itu merupakan sekumpulan kata yang mempunyai hubungan leksikal selingkungan apabila membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan **agama** dan kumpulan kata tersebut disebut sebagai kolokasi.

2.2.1.3 Kohesi Kata Hubung

Kata hubung berbeza daripada rujukan, penggantian dan elipsis kerana ia bukanlah satu alat untuk mengingatkan pembaca tentang entiti, tindakan dan perkara yang pernah disebut terdahulu. Dengan perkataan lain, ia bukanlah apa yang ahli bahasa sebut sebagai hubungan anaforik. Unsur kata hubung adalah bersifat kohesif secara tidak langsung. Menurut Nunan (1993: 26) “it is a cohesive device because it signals relationship that can only be fully understood through reference to other parts of the text”.

Rujukan ialah kohesi nahuhan yang berfungsi memberi makna kepada kata atau frasa yang terdapat dalam ayat-ayat terdahulu. Substitusi dan elipsis pula ialah kohesi nahuhan yang menggantikan dan menggugurkan kata atau frasa yang telah ada dalam ayat-ayat terdahulu dalam teks. Kohesi kata hubung adalah jenis tautan yang berbeza daripada rujukan, substitusi dan elipsis. Mengikut Khatijah (1997: 72), kohesi kata hubung tidak terikat kepada mana-mana kata atau frasa dalam ayat-ayat terdahulu tetapi ia memberikan perkaitan makna dan idea secara

tautan nahanan, misalnya tentang proses masa atau sebagai kohesi kata hubung waktu (temporal) seperti penggunaan frasa selepas itu, akhir kata, kemudian dan sebagainya. Begitu juga tambahan (aditif) dan pertentangan, seperti dengan penggunaan dan, akan, tetapi, namun dan sebagainya, perkaitan yang membawa makna sebab dan akibat seperti penggunaan oleh itu, oleh yang demikian, akibatnya dan sebagainya.

Dalam bahasa Inggeris, terdapat empat (4) jenis kata hubung . (Halliday dan Hasan, 1976: 242) iaitu:

- 1) Kata Hubung Aditif : *and, or, furthermore, similarly.*
- 2) Kata Hubung Adversatif: *only, yet, but, however.*
- 3) Kata Hubung Kausal : *so, then, hence, for, because.*
- 4) Kata Hubung Temporal : *then, next, finally, at last, at once, soon.*

Kata hubung aditif ialah kata frasa penghubung yang mempertautkan ayat dengan ayat atau perenggan dengan perenggan. Kata hubung ini bertujuan menambah atau menghuraikan isi dan fakta sesuatu ayat dalam sesuatu perenggan. Kata hubung adversatif ialah kata hubung yang bermaksud menyatakan idea yang berlawanan atau bertentangan yakni isi dan fakta dalam ayat atau perenggan sebelum dan selepasnya adalah bertentangan. Kata hubung kausal pula bermaksud kata hubung yang menyatakan kehadiran sesuatu ayat atau perenggan dalam sesuatu wacana adalah hasil kejadian yang terjadi dalam ayat atau perenggan sebelumnya. Akhirnya kata hubung temporal ialah kata hubung yang menghubungkan masa berlakunya sesuatu peristiwa iaitu mengikut urutan.

Contoh penggunaan kata hubung dalam bahasa Inggeris diberikan oleh Halliday dan Hasan, (1976: 238-239) seperti berikut :

For the whole day he climbed up the steep mountainside, almost without stopping.

- a. *And* in all this time he met no one. (additive)
- b. *Yet* he was hardly aware of being tired. (adversative)
- c. *So* by night time the valley was far below him. (causal)
- d. *Then*, as dusk fell, he sat down to rest. (temporal)

Menurut Halliday perkataan *and*, *yet*, *so* dan *then* merupakan empat jenis hubungan penggunaan kata hubung umum, yang dinyatakan dalam bentuk yang mudah. Pembahagian berbagai-bagai kata hubung kepada empat jenis di atas akan memudahkan kita mengkaji teks tanpa menimbulkan masalah yang tidak diperlukan.

Asmah (1986: 193) mendefinisikan kata penghubung sebagai kata yang menghubungkan dua kata, frasa atau klausa. Beliau membahagikan kata hubung dalam bahasa Melayu berdasarkan jenis klausa yang dihubungnya, iaitu kata penghubung setara seperti **dan**, **tetapi** dan **atau** dan kata penghubung tak setara seperti **kerana**, **jika**, **kalau**, **supaya**, **walaupun**, **apabila** dan sebagainya. Wong (1993: 312) menambah satu lagi jenis kata penghubung iaitu penghubung adverba contohnya **oleh itu**, **jadi**, **walau bagaimanapun**, **begitu juga** dan **oleh yang demikian**.

Menurut Asmah (1987), tiap-tiap penghubung ini mengisyaratkan keadaan tertentu dalam konteks penggunaannya. Contohnya **dan** mengisyaratkan

penambahan, **tetapi** mengisyaratkan perlawanan, jika mengisyaratkan syarat dan sebagainya.

Contoh penggunaan kata hubung adalah seperti ayat berikut :

(11) TU 052

Katanya, walaupun tiada halangan untuk mereka bertanding **tetapi** tanggapan bahawa seseorang yang memegang jawatan dalam kerajaan mesti mempunyai jawatan dalam parti, bukan dasar parti.

Kata hubung adversatif **tetapi** dalam contoh (11) di atas menunjukkan maksud berlawanan kerana **tetapi** menggandingkan dua proposisi yang berlawanan antara satu sama lain.

(12) TB 137

Umno **dan** Pas sebelum ini bersetuju mengadakan pertemuan yang pada asalnya bertujuan membincangkan agenda Melayu dan kemudian bertukar kepada isu perpaduan nasional.

Kata hubung aditif **dan** dalam contoh di atas menggandingkan dua subjek iaitu Umno **dan** Pas.

(13) TU 067

Rais berkata, keputusan Majlis Raja-Raja bukanlah sesuatu yang baru **kerana** perundungan negara telah memperuntukkan tindakan dikenakan terhadap mereka yang menyelewengkan agama.

Dalam contoh (13), terdapat penggunaan kata hubung kausal **kerana** yang merupakan penghubung musabab menurut Asmah (1986). Jelas dalam ayat

tersebut wujud tautan di antara ayat sebelum kata hubung **kerana** dengan ayat sesudahnya bagi menunjukkan sebab sesuatu perkara itu dilakukan.

(14) TB 117

Hampir 500 orang dari kalangan ahli perniagaan dan korporat Jepun menghadiri seminar sehari itu. Turut hadir Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali serta Duta Malaysia di Jepun, Datuk Marzuki Mohamad Noor.

Selepas itu, Dr. Mahathir bersama empat ahli panel menghadiri sesi perbincangan. Mereka ialah Menteri Luar Thailand, Surin Pitsuwan; Duta Korea Selatan di Jepun, Chooi Sang -Yong; bekas Ketua Pengarah Agensi Perancangan Ekonomi Jepun, Taichi Sakaiya dan Presiden NTT Jepun Barat, Kazuo Asada.

Kata hubung temporal atau waktu dalam ayat di atas menghubungkan waktu dua peristiwa yang berlaku, seperti yang dapat dilihat pada penggunaan kata hubung **selepas itu**. Kata hubung itu membawa maksud rentetan waktu bagi menunjukkan kelangsungan dua peristiwa.

2.3 TINJAUAN KAJIAN ANALISIS WACANA

Dalam bahagian ini, tinjauan terhadap kajian analisis wacana adalah meliputi kajian yang dijalankan di Malaysia dan juga di barat. Tinjauan ini dilakukan terhadap berbagai-bagai subkelompok analisis wacana seperti analisis nahu wacana, analisis prosodi wacana, analisis struktur wacana, analisis tekstur wacana dan analisis strategi wacana. Idris (2001) dalam kajiannya, telah menggolongkan lima (5) kelompok tersebut ke dalam pendekatan yang dinamakan ‘analisis wacana bukan kritis’. Pendekatan ini diperkenalkan oleh Fairclough (1992) dipetik daripada Idris (2001: 42) yang melihat wacana dari satu sudut sahaja atau secara telus. Analisis

wacana bukan kritis, menurut Idris lagi menghurai perawakan linguistik dan bentuk wacana seperti nahu, struktur, tekstur, skemata dan strategi wacana secara telus. Ini berbeza dengan pendekatan ‘analisis wacana kritis’, yang melihat penggunaan bahasa daripada dua sudut, iaitu bagaimana amalan wacana dibentuk berdasarkan faktor-faktor sosial (seperti kuasa, ideologi, amalan dan sebagainya) dan juga bagaimana bahasa berkenaan memberi kesan kepada aspek-aspek sosial (seperti identiti, hubungan sosial, pengetahuan dan sebagainya), (*ibid* : 42).

Kajian analisis wacana yang dijalankan di Malaysia tidak banyak dapat ditinjau kerana kajian wacana bahasa Melayu masih baru. Wacana bahasa Melayu dikatakan bermula pada tahun 1966, iaitu apabila Muhammad Yunus Maris yang dianggap sebagai pelopor wacana Melayu, menulis sebuah artikel berdasarkan teori keperihalan keadaan untuk menerangkan penggunaan ganti nama. Beliau hanya menghubungkan ganti nama dengan makna yang sesuai berdasarkan keperihalan keadaan. Namun, dalam artikel tersebut, beliau tidak menyentuh konsep wacana yang membolehkan kajian beliau dapat dianggap sebagai sebahagian daripada kajian analisis wacana.

Setelah itu, tidak terdapat penulisan yang menggunakan pendekatan wacana sehingga pada tahun 1978, apabila Harimurti Kridaklaksana menulis sebuah artikel berjudul “Keutuhan Wacana” yang diterbitkan dalam *Jurnal Bahasa dan Sastera*. Pada pendapat Harimurti (1978: 36), keutuhan wacana merupakan satu aspek yang sangat penting kerana “... dengan melihat unsur-unsur bahasa yang ada, bahasawan dapat menandai apakah yang dihadapinya itu sebuah wacana atau hanya

kumpulan kalimat yang acak-acakan". Beliau membincangkan aspek semantik, aspek leksikal dan aspek gramatikal dengan memberikan berbagai-bagai contoh apabila membicarakan keutuhan wacana.

Setahun kemudian, Lutfi Abas (1979) menulis artikel yang berjudul "Analisis Wacana Sebuah Cerpen" dan pada tahun 1982, beliau menghasilkan sebuah artikel yang bertajuk "Keindahan Sastera Melalui Analisis Wacana". Menurut Wong (1992: 442), usaha Lutfi ini bukanlah usaha yang benar-benar berlandaskan nahu wacana tetapi lebih kepada aspek stilistik.

Penulisan artikel yang menyentuh tentang wacana telah dihasilkan oleh Asmah (1980a, 1980b) dalam dua keluaran yang berjudul "Analisa Wacana". Dalam artikel tersebut, Asmah telah membincangkan dua perkara iaitu ciri-ciri wacana dan sejarah perkembangan analisis wacana di barat. Dalam bahagian akhir artikel tersebut, Asmah telah membincangkan tiga (3) kaedah analisis wacana iaitu kaedah Harris, kaedah Becker dan kaedah Sinclair. Penulisan beliau ini merupakan penulisan yang bersifat analisis wacana kerana beliau menerapkan ketiga-tiga kaedah analisis wacana tersebut dalam analisisnya terhadap teks lisan (dialog) dan tulisan dalam bahasa Melayu.

Muhammad Fauzi (1999), dalam kertas kerjanya yang dibentangkan di sebuah Persidangan Penterjemahan Antarbangsa, telah mengkaji penggunaan penanda wacana (dalam konteks ini ialah kata hubung) yang terdapat pada sebuah teks agama (terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu). Kajian yang dilakukannya adalah berdasarkan kerangka teori kohesi Halliday dan Hasan (1976).

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat ketenunan (kohesi) dan keteraturan fikiran (koherens) dalam bidang penterjemahan Arab-Melayu serta mengenal pasti penggunaan penanda wacana yang menjadi ciri tenunan sesuatu teks dan wacana. Kajian ini mendapati penterjemah telah menggunakan penanda wacana dengan baik seperti penggunaan penanda wacana **dan, begitu juga, di samping itu, namun demikian, tetapi, oleh itu** dan sebagainya.

Sehingga kini telah banyak penulisan artikel dan buku serta kajian yang dihasilkan berkaitan dengan analisis wacana, misalnya oleh Asmah (1980a, 1980b, 1995), Tarigan (1987), Sanat (1992), Wong (1992, 1993, 1995), Naapie (1996), Khatijah (1996), Normah dan Cik Mohd. Arif (1997), Shamsudin (1999), Asma (2000), Raja Masittah (2000) dan sebagainya.

Usaha pengkajian analisis wacana secara lebih serius telah dilakukan di peringkat latihan ilmiah, sarjana dan kedoktoran. Mulai tahun 1980-an hingga kini, telah banyak latihan ilmiah, tesis dan disertasi yang dihasilkan di universiti tempatan dan luar negara yang memfokuskan pada berbagai-bagai bidang analisis wacana seperti bidang linguistik, strukturalisme dan semiotik, antropologi dan sosiologi, falsafah dan psikologi serta kognisi sains. Berikut akan diberi beberapa sorotan kajian yang telah dijalankan di peringkat sarjana dan kedoktoran.

Azhar (1993) dalam kajiannya yang berjudul "*Sintaksis Wacana "Yang" Dalam Bahasa Melayu*" boleh dianggap sebagai perintis yang membuat kajian nahu berdasarkan wacana. Menurut beliau, kebanyakan nahu bahasa Melayu adalah nahu bebas-konteks, oleh yang demikian nahu ini bukanlah alat yang sesuai

untuk memeri yang. Beliau berpendapat nahu wacana adalah nahu yang dapat membekalkan asas yang lebih baik untuk mengurai yang. Kajian yang dibuatnya adalah berasaskan penggunaan data wacana dan beliau menerapkan kerangka teori tagmemik yang dimajukan oleh Pike dan Pike (1977) sebagai landasan kajiannya tentang bahasa.

Sampel kajian beliau terdiri daripada sebuah cerpen yang memenangi hadiah pertama dalam peraduan menulis cerpen kebangsaan pada tahun 1979. Tujuan kajian ini ialah untuk menilai kemungkinan menggunakan wacana sebagai kerangka untuk mentafsir sintaksis bahasa Melayu. Tujuan khas kajian ini ialah untuk memeri penggunaan binaan yang seperti yang digunakan dalam sebuah naratif Melayu moden. Azhar (1993: 81) menyatakan sebab yang dipilih dalam kajian tersebut, iaitu menurut beliau “ ia memberi kesempatan untuk mengemukakan cara yang semula jadi serta cara lain untuk menulis secebis nahu bahasa Melayu”. Cara semula jadi bermaksud mengkaji yang dalam (ruang lingkup yang lebih besar) wacana, iaitu membuat kajian sintaksis wacana tentang yang.

Sato (1991) juga membuat kajian nahu wacana bahasa Melayu dengan menggunakan teori linguistik struktural-fungsian oleh Halliday dan Hasan. Bahan analisisnya merupakan teks *Hikayat Hang Tuah*, iaitu sebuah karya bahasa Melayu klasik yang ditulis dalam bentuk prosa.

Kajian nahu wacana oleh Sato menganalisis bentuk nahuan dan penyebaran ayat dalam wacana, dari segi kombinasi susunan maklumat dan susunan ayat yang logik yang kerap didapati dalam karya sastera klasik, seperti *Hikayat Hang*

Tuah. Ini meliputi analisis syarat dan peraturan yang mengendalikan suatu ayat diwujudkan dalam wacana.

Dalam penghuraianya yang mendalam tentang susunan wacana, Sato membicarakannya dari sudut maklumat lama dan maklumat baru. Kajiannya menyebut terdapat beberapa kaedah yang menandai maklumat lama sebagai alat pembantu yang formal yang menghubungkan ayat-ayat dalam keseluruhan yang berhubung-hubungan. Sato menganalisis maklumat lama ini dengan membincangkan penanda-penanda maklumat lama seperti kaedah perujukan, penggantian, perulangan, penghilangan dan leksikal. Kaedah-kaedah tersebut merupakan kaedah tautan atau kohesi yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976).

Sri Devi (1996) menjalankan kajian yang berkaitan dengan analisis kandungan teks kimia yang dipetik daripada dua buah buku kimia umum. Beliau mengkaji item leksikal sama ada menunjukkan pautan dalam teks dengan menggunakan kerangka Halliday (1985) dan Martin (1981, 1989, 1992). Kajian ini cuba melihat kejayaan mengaplikasikan kerja Halliday dan Martin berkaitan dengan kohesi leksikal dalam melabelkan hubungan semantik yang terdapat pada item leksikal.

Wong (1996), dalam kajiannya ingin mengetahui perbezaan antara dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dari segi konvensi tekstual, iaitu dari segi unsur-unsur yang disediakan dan dipergunakan untuk menyampaikan maklumat melalui seurutan bahasa. Kajian ini dilakukan dengan membandingkan sebuah teks terjemahan dalam bahasa Melayu dengan teks asalnya dalam bahasa

Inggeris. Pendekatan yang digunakan ialah pendekatan teks analisis. Dapatkan daripada kajian ini menyokong model Halliday dan menyetujui kepentingannya dalam mengenal pasti berbagai-bagai jenis makna fungsional yang terdapat dalam sesebuah teks dan yang diperlukan untuk menyampaikan mesej.

Satu kajian yang melibatkan analisis kohesi dan koheren dalam karangan bahasa Melayu pelajar-pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah telah dijalankan oleh Khatijah (1997). Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mendapatkan maklumat tentang kekuatan kebahasaan dari segi perkaitan semantik (aspek kohesi), serta kesinambungan dan kesepaduan teks (pencapaian koheren) dalam pelbagai bentuk karangan.

Analisis utama dalam kajian ini, iaitu kohesi nahuan dan leksikal dibuat berdasarkan model Halliday dan Hasan (1976) yang diterapkan pada bahasa Melayu. Analisis kohesi yang dibuat adalah untuk mengenal pasti pencapaian tautan-tautan atau alat-alat kohesif di antara ayat dengan ayat dan perenggan dengan perenggan dalam karangan sampel. Analisis koheren dilihat daripada segi isi kandungan, organisasi karangan, gaya persembahan termasuk aspek kebahasaan dan ketepatan keseluruhan karangan dengan tajuk karangan. Analisis data wacana dibuat melalui *Functional Unit of Discourse* atau dikenali sebagai Unit F yang diperkenalkan oleh Lieber (1980).

Kajian Khatijah ini mendapati karangan yang baik adalah karangan yang kohesif dan koheren, manakala karangan yang lemah adalah karangan yang tidak kohesif dan tidak koheren. Dengan itu, karangan yang baik adalah signifikan

sebagai karangan yang kohesif dan koheren dan juga menjadi petunjuk pencapaian perkaitan semantik serta kesinambungan dan kesepaduan teks, iaitu bagaimana isi kandungan karangan, organisasi karangan, ketepatannya dengan tajuk karangan, dan gaya persembahan termasuk penggunaan bahasanya yang menjadi sesebuah karangan itu koheren. Begitu juga karangan yang lemah adalah sebaliknya. Kajian Khatijah ini memperlihatkan kesannya dari segi pedagogi, iaitu guru bahasa Melayu seharusnya melihat karangan yang baik itu disertai dengan penggunaan pelbagai sarana kohesi yang sewajarnya di samping kewujudan kesinambungan dan kesepaduan teks sebagai karangan yang kohesif dan koheren dalam pengajaran menulis.

Idris (2001) telah membuat satu kajian wacana dan kepimpinan yang menarik iaitu satu analisis terhadap teks ucapan perutusan tahun baru (1982 hingga 1999) yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad. Kajian ini bertujuan menunjukkan pandangan bahawa wacana adalah sebahagian daripada proses sosial, serta membuktikan bahawa proses sosial berkenaan boleh dijelaskan melalui pendekatan analisis wacana yang kritis. Kajian ini menghuraikan cara bahasa dimanfaatkan oleh pemimpin negara, di samping menjelaskan cara bahasa berperawakan di dalam proses kepimpinan. Terdapat tiga (3) dapatan daripada kajian ini dan satu daripada dapatan tersebut ialah daripada dimensi analisis tekstual, yang mendapati wacana tersebut banyak memanfaatkan modaliti imperatif permintaan yang bersifat obligasi pelbagai aras, metafora, pertanian dan api, kata kemiliteran dan kata alternatif. Kajian Idris ini menerapkan kerangka teoretikal analisis wacana kritis yang dimajukan oleh Norman Fairclough (1992, 1995), iaitu satu pendekatan yang prihatin dan mengiktiraf wacana sebagai sebahagian daripada proses sosial.

Kajian analisis wacana di barat memaparkan sejarah yang panjang dan dikatakan analisis wacana yang sebenarnya bermula di Great Britain dengan aliran Firth yang berpusatkan pada konsep bahasa Malinowski tentang bahasa dengan masyarakat. Menurut Asmah (1980:14), kemuncaknya ialah “teori makna dalam konteks” yang diutarakannya, yang mendakwa sesuatu tutur itu memperoleh maknanya bukan daripada hubungan akaliah di antara idea-idea yang diwujudkan oleh kata-kata, tetapi daripada hubungannya dengan konteks situasi yang melatarinya.

Ahli-ahli linguistik Britain, sejak mendapat asas daripada Firth tidak pernah berhenti menjalankan kajian fungsi bahasa dan susun atur unit-unit bahasa yang lebih tinggi daripada klausa dan ayat. Di antara ahli linguistik Britain yang memperjuangkan teori Firth ialah M.A.K. Halliday. Beliau berpendapat struktur bahasa mempunyai kaitan dengan fungsi bahasa dan berdasarkan bahasa Inggeris, Halliday mengemukakan tiga fungsi bahasa iaitu fungsi alami (*ideational function*), fungsi hubungan (*interpersonal function*) dan fungsi tekstual (*textual function*). Pengaruh Halliday sangat besar dan ramai ahli bahasa yang memanfaatkan teori dan model kajiannya.

Di samping itu, perkembangan bidang kajian analisis wacana di England juga dipengaruhi oleh kajian yang dilakukan di Universiti Birmingham. Sumbangan dan pengaruh Universiti Birmingham dalam bidang kajian analisis wacana sangatlah besar. Sarjana yang menganuti teori dan pendekatannya dikelompokkan dalam aliran Birmingham. Antaranya ialah Sinclair (1975) yang menghasilkan satu model untuk menghuraikan struktur interaksi perbualan antara guru dengan murid berdasarkan satu tatatingkat unit-unit wacana.

Di Amerika Syarikat, analisis wacana bermula pada tahun 1952 iaitu apabila Zellig S. Harris menulis satu makalah berjudul “*Discourse Analysis*” dalam jurnal “*Language*”. Harris menolak makna, sebaliknya mengaitkan dengan keperihalan keadaan. Selepas itu, untuk sekian lama analisis wacana terpendam begitu sahaja akibat popularnya aliran-aliran lain seperti Aliran Transformasi Generatif dan Aliran Linguistik Struktural. Aliran-aliran ini memusatkan perhatian mereka kepada aspek fonologi dan tatabahasa pada peringkat klausa dan ayat sahaja, tanpa meneroka unit wacana yang lebih tinggi.

Sehingga kini, kerancakan bidang analisis wacana tidak dapat disangkal lagi dengan terhasilnya banyak penulisan, penghasilan buku dan kajian dalam bidang ini. Berikut adalah beberapa sorotan kajian yang telah dilakukan di barat dalam bidang analisis wacana.

Lieber (1980), telah membuat kajian terhadap karangan yang ditulis oleh pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Tujuan kajian ini ialah untuk menyiasat bagaimana pelajar tersebut menggunakan alat kohesif untuk menghubungkan bahagian-bahagian dalam teks yang berfungsi dengan signifikan dalam perkembangan karangan mereka. Beliau menggunakan satu unit analitik yang dikenali sebagai Unit F (*the functional unit of discourse*) bagi memenggalkan karangan untuk tujuan analisis. Bagi mengenal pasti alat kohesif, Lieber telah mengubah suai model Halliday dan Hasan (1976) untuk disesuaikan dengan tujuan kajian beliau. Kajian itu mendapati pelajar begitu bergantung kepada kohesi leksikal untuk mewujudkan kohesi. Mereka juga menggunakan item rujukan terutamanya pronominal dan demonstratif dengan banyak dan kurang menggunakan kata hubung.

Said (1988) dalam kajian beliau terhadap peranan kohesif yang dimainkan oleh rujukan, penggantian dan elipsis yang terdapat pada dua genre karangan dan cerita pendek dalam bahasa Arab, mendapat rujukan dan elipsis dalam bahasa Arab berfungsi hampir sama seperti bahasa Inggeris. Item rujukan dan elipsis sangat kerap wujud sebagai alat kohesif dalam kedua-dua genre tersebut dan berfungsi begitu kohesif pada semua peringkat teks. Penggantian kata kerja merupakan satu-satunya jenis penggantian yang ditemui dalam bahasa Arab.

Parsons (1990) telah menjalankan satu kajian perbandingan penulisan teks saintifik dengan memfokuskan kepada kohesi dan koheren. Kajian ini mengkaji satu kumpulan pelajar penutur jati yang dikawal sama ada menghasilkan teks yang lebih baik berbanding dengan satu kumpulan pelajar luar negara. Ia juga melihat sama ada teks yang lebih baik itu disusun dengan baik berdasarkan kerangka Hasan (1964). Dapatkan kajian menunjukkan pelajar penutur jati menulis teks yang lebih koheren dibandingkan dengan pelajar luar negara.

Gimenez-Moreno (2000), telah mengkaji pengulangan linguistik dalam genre kuliah di universiti British. Kajian ini mendapat pengulangan merupakan teknik komunikatif yang digunakan oleh pelajar bagi memahami maklumat. Kohesi wacana, fungsi interpersonal dan pengambilan nota yang berkesan oleh pelajar merupakan aspek lain yang diguna. Kajian ini juga telah mengemukakan satu model analisis pengulangan semantik-leksikal yang dapat diaplikasikan pada wacana kuliah. Model ini didapati hasil daripada analisis terhadap 30 kuliah semasa di universiti British. Daripada hasil kajian itu, satu deskripsi berserta dengan contoh telah dibuat terhadap mekanisme pengulangan maklumat yang paling kerap dan signifikan digunakan dalam genre kuliah.

Dalam bahagian ini akan disorot kajian wacana yang telah dijalankan serta penulisan yang berkaitan dengan wacana berita iaitu yang telah dijalankan di barat, Asia dan di Malaysia. Sejak dari tahun 1970-an lagi, kajian-kajian telah dilakukan terhadap wacana berita tetapi kajian pada akhir 1970-an lebih tertumpu kepada aspek penerbitan, kandungan dan organisasi berita dalam media. Kebiasaannya, kajian yang dilakukan itu adalah dalam perspektif sosiologi. Hanya terdapat beberapa pendekatan struktur wacana berita misalnya oleh ahli-ahli bahasa, penganalisis wacana atau oleh mereka yang berkecimpung dalam bidang semiotik, stilistik atau retorik. Walau bagaimanapun kajian struktur tersebut tidak begitu menyeluruh. Selalunya kajian tersebut memilih berita sebagai contoh atau analisis struktur tersebut hanya dilakukan pada ciri-ciri tertentu wacana sahaja misalnya pemilihan leksikal sebagai satu komponen gaya.

Pada tahun 1980-an, dapat dilihat peningkatan penyelidikan terhadap wacana berita. Antara kajian yang telah dijalankan ialah oleh Bolivar (1986) yang menjalankan kajian terhadap rencana pengarang dengan menggunakan satu unit yang dipanggil sebagai '*triad*', dipetik daripada Bolivar (1994). Unit ini mempunyai persamaan dengan '*exchange*'. Terma '*exchange*' ini digunakan oleh Sinclair dan Coulthard (1975) apabila mengkaji interaksi yang berlaku di bilik darjah di antara guru dengan murid. Kajian Bolivar ini mendapati bahawa terdapat tiga bahagian struktur yang tetap dalam rencana pengarang surat khabar berbahasa Inggeris. Struktur tersebut ialah '*lead*', diikuti oleh '*follow*' dan '*valuate*'.

Kajian yang terbaik dan paling menyeluruh hingga kini ialah kajian oleh van Dijk (1983,1985,1988) yang telah mengaplikasikan kerangka analisis wacana pada pengkajian berita. Mengikut Bell (1991: 161), “ at a time when mainstream transformational-generative linguistics was confining its attention to language below the level of the sentence, European text linguistics maintained an interest in larger stretches of language”. Mengikut beliau lagi, pada masa ahli-ahli sosiolinguistik menyedari keperluan untuk menggabungkan maklumat-maklumat ekstra-linguistik ke dalam penerapan linguistik, analisis wacana mendesak melihat struktur bahasa melampaui peringkat ayat.

Van Dijk banyak menjalankan kajian terhadap pemberitaan media. Sumbangan beliau terhadap kajian bahasa berita diperkembang melalui beberapa penerbitan. Beliau melihat sesuatu teks terdiri daripada beberapa struktur/tingkatan yang masing-masing bahagian saling mendukung. Beliau membahagikannya kepada tiga (3) tingkatan. Pertama, dikenali sebagai struktur makro. Hal yang diamati dalam struktur ini ialah struktur tematik. Ini merupakan makna global/umum daripada sesuatu teks yang dapat diamati dengan melihat topik atau tema yang dikedepankan dalam sesuatu berita. Kedua, struktur super dan hal yang diamati ialah struktur skematik. Struktur ini berhubungan dengan kerangka sesuatu teks, seperti bahagian pendahuluan, isi, penutup dan kesimpulan serta bagaimana bahagian-bahagian teks tersusun ke dalam berita secara utuh. Ketiga, struktur mikro yang mengamati teks dari struktur semantik. Struktur ini melihat makna wacana yang dapat diamati daripada bahagian kecil sesuatu teks yakni kata, ayat, proposisi, anak ayat, parafrasa dan gambar yang dipakai oleh sesuatu teks (Eriyanto, 2001: 226).

Van Dijk (1985) telah menganalisis organisasi global wacana berita berdasarkan teori Struktur-Makro Semantik Global. Beliau mengkaji struktur berita melampaui peringkat ayat, yakni di peringkat struktur tema dan skema. Struktur tema meliputi kajian organisasi keseluruhan topik global sesuatu berita, manakala struktur skema pula menghuraikan bentuk keseluruhan wacana tersebut. Kajian beliau mendapati kedua-dua struktur mempunyai perkaitan yang rapat di antara satu sama lain.


Van Dijk (1988) dalam kajian beliau terhadap berita yang terdapat pada akhbar, telah mencadangkan satu model untuk menganalisis struktur laporan berita. Beliau telah memperkenalkan struktur yang dikenali sebagai Skema Berita. Struktur ini mengandungi dua (2) kategori skema besar yang terdiri daripada Ringkasan (Tajuk Berita dan Pendulu) dan Cerita (Situasi dan Komentar). Tajuk berita merupakan unsur yang paling penting. Tajuk berita dan pendulu umumnya menunjukkan tema yang ingin ditampilkan oleh wartawan dalam pemberitaannya. Cerita merupakan isi berita secara keseluruhan. Isi berita ini mempunyai dua (2) subkategori. Yang pertama ialah situasi yakni proses atau jalannya peristiwa dan yang keduanya ialah komentar yang terdapat dalam teks.

Subkategori Situasi yang menggambarkan kisah suatu peristiwa umumnya terdiri daripada dua bahagian, iaitu Episod atau kisah utama dari peristiwa tersebut dan yang kedua Latar untuk mendukung episod yang disajikan kepada khalayak. Sedangkan subkategori Komentar yang menggambarkan bagaimana pihak-pihak yang terlibat memberikan komentar terhadap suatu peristiwa terdiri daripada dua bahagian. Pertama Reaksi Verbal daripada tokoh yang dikutip oleh wartawan.

Kedua, Kesimpulan yang diambil oleh wartawan daripada reaksi verbal atau komentar berbagai-bagai tokoh.

Seterusnya Latar peristiwa itu terbahagi pula kepada dua (2) subkategori iaitu Konteks dan Sejarah. Konteks meliputi peristiwa yang baru sahaja dilaporkan oleh akhbar, manakala Sejarah meliputi peristiwa yang sudah lama berlaku. Subkategori Penutup terdiri daripada dua (2) bahagian iaitu Jangkaan dan Penilaian. Menurut van Dijk, komen wartawan boleh disampaikan melalui jangkaan atau penilaian. Dari segi fungsional, Jangkaan berfungsi untuk menyatakan akibat kemungkinan sesuatu peristiwa yang belum atau sudah berlaku, manakala Penilaian berfungsi untuk menyatakan penilaian atau tafsiran tentang peristiwa yang berlaku (Tan, 1994: 115). Subkategori yang terakhir ialah Konteks yang terbahagi kepada dua (2) iaitu Keadaan dan Peristiwa Terdahulu. Sesetengah daripada kategori ini adalah wajib (Ringkasan dan Peristiwa Utama), manakala yang lain adalah pilihan. Kaedah analisis struktur skema van Dijk ini dapat dilihat dalam Rajah 2.1.

Gunesekera (1989), telah membuat kajian wacana genre terhadap dua (2) jenis teks yang terdapat dalam surat khabar, iaitu teks berita pendulu (*lead story*) dan rencana pengarang (*editorial*). Tujuan kajian itu ialah untuk mengenal pasti ciri-ciri kedua jenis teks tersebut dan mencadangkan satu model yang dengannya ciri-ciri dan atau struktur tiap-tiap subgenre tersebut dapat dikenal pasti dan dijangkakan. Kajian ini juga menganalisis jenis bahasa Inggeris yang terdapat pada bahan kajian, iaitu teks surat khabar berbahasa Inggeris yang terdapat di Singapura, India (Selatan) dan Sri Lanka.



van Dijk (1988: 48)

Rajah 2.1 : Struktur Skema Berita

Dalam menentukan struktur kedua-dua subgenre tersebut, Gunesekera telah berpandukan Model Analisis Struktural Berita yang dicadangkan oleh van Dijk. Model ini juga dikenali sebagai Model Skema Berita van Dijk. Hasil kajian tersebut mendapati struktur wacana atau skema berita pada berita pendulu yang dikaji terdiri daripada : tajuk berita, ringkasan, kejadian utama, akibat/latar belakang, kejadian berkaitan dan komen. Dapatan kajian ini berbeza daripada dapatan kajian van Dijk (1988) dari segi kategori wajib dan pilihan.

Dalam skema van Dijk, terdapat dua (2) unsur yang wajib dalam wacana laporan berita dan beberapa unsur yang merupakan pilihan. Unsur yang wajib itu ialah tajuk berita dan pendulu, manakala dalam dapatan Gunesekera,

kategori wajib untuk wacana berita pendulu ialah tajuk berita, ringkasan, kejadian utama, kejadian berkaitan dan komen. Ini menunjukkan pertambahan kategori wajib dalam berita pendulu, yang sebagai contohnya komen merupakan unsur pilihan dalam skema van Dijk tetapi wajib dalam kajian Gunesekera. Kejadian berkaitan pula yang merupakan unsur wajib dalam teks berita pendulu tetapi tidak terdapat dalam skema van Dijk untuk laporan berita.

Daripada dapatan Gunesekera, dapat disimpulkan bahawa perbezaan yang wujud di antara struktur wacana atau skema berita yang dianalisis oleh beliau dengan yang dianalisis oleh van Dijk adalah disebabkan jenis teks berita yang dianalisis itu berbeza. Gunesekera menganalisis berita pendulu yang merupakan berita terpenting pada halaman hadapan surat khabar. Berita ini merupakan sejenis laporan berita yang *upgraded*, dan oleh itu memerlukan lebih banyak kategori dan tajuk berita yang lebih bermaklumat jika dibandingkan dengan laporan berita yang *average* seperti terdapat pada model van Dijk.

Bell (1991), seorang wartawan dan juga ahli bahasa telah menulis buku berjudul “*The Language of News Media*”. Mengikut Boyd-Barret (1994: 36) seperti van Dijk, Bell menganggap wacana berita sebagai satu versi daripada wacana penceritaan tetapi unsur-unsur yang terdapat di dalamnya adalah berbeza. Beliau sering dipengaruhi oleh van Dijk dan dalam buku tersebut beliau membentangkan dua (2) kajian van Dijk yang dianggap memberi sumbangan analitikal kepada kajian wacana berita iaitu ‘*macrorules*’ dan ‘*news schemata*’. Bell membuat analisis terhadap laporan berita dengan melihat kategori yang membentuk struktur berita, berdasarkan kajian van Dijk, Labov dan pengkaji-pengkaji lain.

Beliau mendapati kebanyakannya kategori yang diperkenalkan oleh van Dijk dan pengkaji lain adalah diperlukan dengan beberapa penglabelan dan penambahan.

Kajian beliau mendapati sesuatu teks berita kebiasaannya mengandungi abstrak, atribut dan cerita. Abstrak terdiri daripada tajuk berita dan pendulu. Atribut terdiri daripada sumber berita itu diperolehi, nama pemberita yang menulis berita, tempat dan hari. Cerita itu pula terdiri daripada beberapa episod yang memaparkan satu atau lebih peristiwa. Bell menemui tiga (3) kategori tambahan yang boleh diletakkan di bawah kategori peristiwa, iaitu lanjutan, komentari dan latar belakang. Sebagai kesimpulan daripada kajian beliau, Bell (1991: 174) menyatakan “the categories I have outlined for describing story structure drawn from van Dijk, Labov, other story researchers, and my own work, seem to have a high degree of generality and validity. They apply in languages and cultures other than English”. Ini berlandaskan kajian van Dijk dan pengkaji lain terhadap wacana berita dalam banyak bahasa seperti bahasa Inggeris, Sepanyol, China, Swedish dan lain-lain lagi.

Bhatia (1993), dalam bukunya yang bertajuk “*Analysing Genre : Language Use in Professional Settings*,” telah menganalisis laporan berita surat khabar secara ringkas untuk dikaitkan dengan kursus pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan untuk tujuan khusus (ESL/ESP).

Dalam kajiannya terhadap ‘*lead article*’ dan rencana pengarang akhbar, beliau mendapati ‘*lead article*’ dan rencana pengarang tersebut mempunyai empat (4) bahagian struktur kognitif yang sama seperti berikut :

1. Membentang kes,
2. Menawarkan hujahan,

3. Mencapai keputusan, dan
4. Mencadangkan tindakan.

Dalam analisis terhadap struktur maklumat laporan berita seterusnya, beliau memberikan empat (4) struktur yang terdapat iaitu, penyelesaian → situasi → masalah → penilaian. Struktur ini dikatakan hanya khusus untuk laporan berita, kerana melalui struktur ini wartawan memulakan berita dengan maklumat terkini pada bahagian atas laporan tersebut.

Beliau menyetujui apa yang dikatakan oleh Hoey (1983) iaitu struktur wacana sesuatu laporan berita, adalah seperti piramid terbalik yang pergerakannya dari atas ke bawah adalah am → khusus→; atau ringkasan → perluasan; atau pratonton → perincian.

Bhatia menegaskan yang surat khabar berbahasa Inggeris mempunyai potensi yang luas untuk dimasukkan dalam program reka bentuk bahan (*material design*). Walau bagaimanapun, keupayaan sepenuhnya untuk tujuan pengajaran-pembelajaran yang berbagai-bagai tersebut dapat direalisasikan sebaik-baiknya hanya dengan melihat kepada sumber data linguistik yang luas yang terdapat pada surat khabar melalui sudut pandangan analisis genre. Sekiranya pengguna bahasa tidak peka terhadap kelainan-kelainan genre yang terdapat, ini akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan.

Kurikulum yang dicadangkan oleh Bhatia ialah kurikulum bahasa yang berasaskan pada genre. Menurut beliau, silabus bahasa berasaskan genre perlu menyenaraikan satu set genre dan jenis-tugas yang boleh direka untuk teks genre

yang spesifik. Pemilihan teks untuk kegunaan di dalam bilik darjah terpulang kepada guru dan pelajar, bergantung kepada minat, motivasi dan tujuan mereka. Dengan ini, ia akan membuatkan pelajar lebih peka terhadap penggunaan bahasa dalam surat khabar untuk pelbagai tujuan komunikatif.

Nunan pula (1993) telah mengkaji struktur generik sebuah artikel dalam surat khabar secara ringkas. Beliau mendapati artikel tersebut mempunyai struktur generik seperti berikut: tajuk, pengarang, lokasi, argumentasi, dan perincian sokongan.

Koubali (2000) telah membuat kajian terhadap wacana berita dan lidah pengarang akhbar Inggeris. Tujuan kajian ini ialah untuk memberikan deskripsi linguistik dua (2) buah genre akhbar tersebut. Dalam kajian ini, dua (2) kaedah telah digunakan iaitu analisis ciri (*feature analysis*) dan analisis teks. Analisis ciri adalah berdasarkan pendekatan Biber (1998) yang melihat jenis-jenis teks sebagai kelompok ciri-ciri linguistik yang taburan kekerapannya dikira secara automatik. Pendekatan ini sangat berpengaruh dalam kajian stilistik dan banyak kajian laras bahasa (*register*) terkini menggunakan model Biber sebagai kerangka kajian. Analisis teks pula berdasarkan pendekatan sosial semiotik Halliday, yang menekankan kajian bahasa sebagai satu aktiviti yang berpengaruh.

Jika dilihat kajian terhadap wacana berita dalam akhbar berbahasa Melayu dan berbahasa Inggeris di Malaysia, tidak banyak dapat ditinjau kerana kajian wacana berita adalah masih baru. Awang (1981) ada menulis artikel mengenai pembinaan wacana berita yang berkesan dalam hubungannya dengan pembakuan bahasa. Artikel beliau hanya sekadar memperkatakan tentang peranan

bahasa dalam penulisan berita. Beliau memberikan tumpuan kepada penggunaan bahasa yang mudah, ringkas, tepat dan padat.

Sulaiman (1993 dan 1997) telah menghasilkan buku mengenai penulisan berita dengan memberikan tumpuan kepada maksud berita, gaya penerbitan, falsafah penulisan berita dan teknik penulisan berita. Beliau tidak menyentuh aspek wacana seperti kohesi dan koherensi sebaliknya lebih memberikan tumpuan kepada aspek teknikal iaitu cara-cara menulis berbagai-jenis berita.

Satu kajian awal terhadap teks surat khabar berbahasa Melayu telah dijalankan oleh Asmah (1987). Beliau telah menjalankan kajian dalam dua (2) aspek, iaitu struktur laporan akhbar dan bahasa laporan akhbar. Dalam aspek pertama, iaitu struktur laporan, terdapat dua (2) jenis struktur yang ditemui, iaitu pertama, kaedah laporan langsung yang memaparkan laporan berdasarkan penyaksian pemberita itu sendiri tanpa rujukan kepada orang lain atau berita daripada sumber lain. Keduanya ialah kaedah laporan rujukan yang memaparkan laporan berdasarkan rujukan yang nyata kepada sumber-sumber lain.

Struktur yang dimaksudkan oleh Asmah dalam kajian tersebut ialah cara bagaimana sesuatu laporan berita disampaikan atau dibuat. Maksud struktur ini berbeza daripada maksud struktur yang dibicarakan dalam kajian ini yang lebih merupakan organisasi berita, iaitu bagaimana sesuatu maklumat itu disusun hingga menghasilkan berita.

Dalam aspek kedua, iaitu bahasa laporan akhbar, beliau membuat analisis yang mendalam terhadap bahasa yang terdapat pada tubuh berita dan tajuk

berita. Salah satu aspek yang dianalisis oleh beliau dan akan dibentangkan di sini ialah pronominalisasi. Mengikut Asmah (1987: 52), pronominalisasi ialah “penggantian sesuatu kata nama atau frasa nama dengan salah satu ganti nama, baik ganti nama diri mahupun ganti nama penunjuk atau ganti nama adverba”.

Asmah telah menganalisis penggunaan ganti nama penunjuk dari aspek kohesi, dan mendapati ganti nama penunjuk **ini** dan **itu** digunakan sebagai rujukan anafora, yakni rujukan ke belakang. Dalam kajian tersebut, tidak ditemui rujukan katafora, yakni rujukan ke hadapan. Walau bagaimanapun terdapat rujukan eksofora atau rujukan di luar teks laporan.

Asmah juga mendapati ganti nama **itu** lebih sesuai digunakan dalam laporan berita kerana apa yang dilaporkan dalam akhbar merupakan peristiwa-peristiwa yang tidak mempunyai kaitan dengan wartawan dan juga peristiwa-peristiwa tersebut sudah pun berlaku. Ganti nama **ini** juga digunakan dalam cakap ajuk ucapan seseorang yang merujuk kepada sesuatu yang dekat dengannya.

Dalam analisis beliau terhadap pronominalisasi ganti nama diri, didapati ganti nama diri **ia**, **dia** atau **beliau** digunakan di tempat frasa nama jawatan atau nama khas seperti nama orang. Pronominalisasi bagi orang atau nama orang dalam jumlah mufrad diwujudkan dengan **beliau**. Ganti nama **dia** tidak digunakan dalam laporan kerana **dia** memberikan suasana komunikasi bersahaja (tidak formal), sedangkan bahasa laporan akhbar merupakan bahasa formal. Oleh itu, ganti nama **beliau** digunakan bagi merujuk orang yang berpangkat tinggi dan juga bagi orang yang tidak mempunyai kedudukan yang tinggi. Ganti nama **-nya** pula, digunakan dalam fungsi pemilik, objek dan dalam frasa adverba.

Kajian Asmah ini, merupakan satu kajian rintis terhadap wacana laporan berita dalam bahasa Melayu yang boleh dimanfaatkan oleh pengkaji seterusnya yang ingin melakukan kajian analisis teks sama ada dari segi laras bahasa, genre, koherensi dan sebagainya.

Tan (1994) telah menjalankan satu analisis struktur-makro semantik terhadap wacana berita sukan dalam akhbar berbahasa Melayu. Beliau telah menerapkan teori struktur-makro semantik van Dijk dalam kajian tersebut dengan membuat beberapa penyesuaian. Penyesuaian ini dibuat kerana terdapat beberapa kelemahan dalam kaedah analisis struktur skema wacana berita van Dijk. Dengan yang demikian kajian Tan cuba menyelesaikan beberapa permasalahan yang terdapat pada kaedah van Dijk. Kaedah analisis yang disarankan oleh Tan, terbahagi kepada tiga (3) peringkat, iaitu (a) analisis struktur-makro semantik global, (b) analisis struktur-makro semantik lokal, dan (c) analisis bandingan teks.

Kajian Tan ini boleh dianggap sebagai penyelidikan perintis dan terawal memanfaatkan teori struktur-makro semantik van Dijk dalam analisis wacana berita bahasa Melayu. Kajian itu telah menghasilkan beberapa dapatan utama seperti berikut :

(1) Analisis pada tahap makrostruktur semantik global memperlihatkan struktur semantik global wacana berita sukan terdiri daripada: kategori-kategori skema yang mempunyai ciri struktural dan ciri fungsional yang membezakan satu kategori dengan kategori skema yang lain. Terdapat tujuh (7) kategori skema yang dikenal pasti, iaitu kepala berita, subkepala berita, pemula berita, reaksi verbal, konteks, peristiwa dan penilaian. Struktur semantik global wacana berita sukan

mempunyai struktur dan susunan yang teratur. Tiga (3) penemuan utama telah didapati, iaitu :

1. Struktur semantik global wacana berita sukan mempunyai skemata asas yang terdiri daripada dua (2) bahagian yang saling berkaitan, iaitu bahagian ringkasan (kepala berita, subkepala berita dan pemula berita) dan bahagian pengembangan (reaksi verbal, konteks, peristiwa dan penilaian).
2. Struktur semantik global wacana berita sukan mempunyai dua (2) jenis susunan, iaitu makroteks dan gabungan makroteks-mikroteks. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa wacana 'berita sukan yang sempurna bentuk terdiri daripada makroteks.
3. Dalam tatatingkat penyusunan global wacana berita sukan, kehadiran makroteks mendahului mikroteks. Makroteks bersifat wajib, manakala mikroteks bersifat opsional.

(2) Analisis pada tahap makrostruktur semantik lokal menjelaskan sifat sub-subbahagian bagi setiap bahagian ringkasan dan pengembangan. Ciri struktur dan fungsi diuraikan dari segi bentuk formal, bentuk linguistik dan fungsi semantik.

(3) Dalam analisis bandingan teks pula, dilihat persamaan dan perbezaan dari segi skemata asas, pola pengembangan dan struktur pengembangan teks di antara dua berita yang sama yang dilaporkan oleh dua akhbar yang berbeza. Analisis dilakukan terhadap bahagian ringkasan dan pengembangan 11 pasangan berita yang sama. Analisis ini memperlihatkan struktur semantik global berita sukan dalam akhbar yang berlainan adalah berbeza di antara satu sama lain.

Sanat (1996), telah menjalankan kajian tautan terhadap rencana pengarang akhbar *Utusan Zaman* (1957-1961). Tujuan kajian beliau ialah untuk menghuraikan tautan yang digunakan dalam rencana pengarang sebagai mewakili wacana akhbar berbahasa Melayu, membandingkan tautan dan menguji model yang dikemukakan. Model yang dimaksudkan itu ialah Model Tautan Pindaan. Model ini pada asasnya berdasarkan Model Halliday dan Hasan (1976) tetapi telah mengalami penyusunan semula, tambahan dan penekanan aspek tertentu dalam kajian tautan aliran sistemik. Model ini dikemukakan untuk menganalisis data bertulis berdasarkan hubungan tautan unsur linguistik antara unit teks. Model Tautan Pindaan ini membahagikan tautan kepada tiga (3) jenis utama iaitu tautan perulangan, tautan kolokasi dan tautan penghubung ayat. Kajian Sanat ini dapat dianggap sebagai satu kajian yang mendalam dalam aspek tautan wacana akhbar bahasa Melayu.

Asma (2000), telah menjalankan kajian terhadap wacana berita dengan menganalisis 27 wacana berita politik yang disiarkan di muka hadapan akhbar *Utusan Malaysia*, keluaran bulan Ogos, 2000. Kajian itu merupakan analisis struktur pengorganisasian wacana laporan berita dengan menggunakan pendekatan genre, berdasarkan model Analisis-Genre Swales (1981, 1990). Analisis struktural ini telah mengenal pasti gerakan yang digunakan oleh wartawan dalam menulis laporan wacana berita dan seterusnya mengkaji fungsi yang dimainkan oleh gerakan tersebut dalam membentuk struktur wacana berkenaan. Sebanyak lapan (8) skema gerakan telah dikenal pasti, yang lima (5) di antaranya adalah wajib, manakala tiga (3) adalah pilihan.

Raja Masittah (2000), menjalankan kajian ringkas analisis wacana tajuk berita utama. Beliau memilih lima (5) tajuk berita utama yang terdapat dalam lima (5) akhbar tempatan berbahasa Melayu dan berbahasa Inggeris. Data dianalisis berdasarkan Teori Teun Van Dijk yang membahagikan organisasi wacana berita kepada ringkasan, peristiwa utama dan tajuk berita. Kajian yang dilakukan oleh Raja Masittah ialah dengan melihat pola tajuk berita, tipografi tajuk utama dan penggunaan cakap ajuk dan cakap pindah. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa persamaan dan perbezaan dalam aspek-aspek tersebut. Semua akhbar menggunakan cakap ajuk dan cakap pindah dalam teks wacananya. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa akhbar di Malaysia mempunyai organisasi wacana yang lengkap, yang setiap satunya memasukkan ringkasan, peristiwa utama, pengetahuan latar, sebab-akibat dan reaksi lisani.

Satu kajian lain telah dijalankan oleh Hui (2000) terhadap artikel rencana (*feature article*) dalam surat khabar *The Star*. Tujuan kajian ini ialah untuk melihat bagaimana artikel rencana tersebut ditulis. Kerangka teoretikal untuk kajian ini ialah analisis wacana kritis oleh Fairclough (1989,1995). Kajian ini mendapati apa yang dianggap sebagai teks yang baru dan tersendiri adalah tidak semestinya begitu, kerana ia mengandungi maklumat yang diambil daripada teks terdahulu. Maklumat lama adalah dipilih terlebih dahulu dan dilapiskan ke dalam maklumat baru untuk mencapai tujuan penulisan artikel.

Tinjauan kajian berkaitan di atas membincangkan konsep genre dan kohesi yang merupakan dua konsep yang menjadi fokus analisis dalam kajian ini. Kedua-dua konsep itu adalah berbeza kerana konsep genre melibatkan kajian teks secara keseluruhan dengan melihat kepada pembentukan teks melalui tujuan atau fungsi komunikatif sesuatu bahasa dan juga tujuan sesuatu genre itu. Konsep kohesi pula melibatkan kajian terhadap tekstur sesuatu teks itu dengan melihat kepada aspek kepautan yang terdapat di dalam teks melalui penggunaan alat-alat kohesif tertentu.

Beberapa pendekatan telah dihurai bagi menganalisis kedua-dua konsep tersebut. Pendekatan genres dalam menganalisis struktur wacana memperlihatkan dua (2) aliran pemikiran yang utama iaitu pertama yang dipelopori oleh Swales (1981,1990) dan kedua yang dipelopori oleh Halliday (1978). Selain daripada dua aliran tersebut, terdapat ahli-ahli bahasa yang menjalankan kajian genre tanpa memilih kedua-dua aliran tersebut, seperti yang dijalankan oleh van Dijk (1988), Fowler (1991), Bell (1991) dan Cook (1992). Pendekatan-pendekatan yang berlainan ini mempunyai persamaan dan perbezaan. Walau bagaimanapun, pada pendapat saya kesemuanya memberikan sumbangan kepada bidang analisis genre kerana setiap model dan pendekatan yang diperkenalkan memberikan banyak pilihan kepada pengkaji untuk mengkaji struktur teks mengikut pendekatan yang sesuai. Tambahan lagi berbagai-bagai pendekatan ini memperkaya pemahaman terhadap penganalisan struktur teks. Kajian yang dijalankan ini telah menggunakan pendekatan Swales sebagai model analisis di samping melihat pendekatan lain sebagai perbandingan.

Pendekatan kohesi dalam menganalisis hubungan yang terdapat dalam wacana membincangkan pendekatan kohesi oleh Halliday dan Hasan (1976). Walaupun terdapat banyak pendekatan yang diperkenalkan oleh ahli-ahli bahasa yang lain selepas Halliday dan Hasan, namun pendekatan Halliday dan Hasan dianggap pendekatan yang paling lengkap dalam mengkaji aspek kohesi dalam teks atau wacana dan menjadi landasan kepada pengkaji-pengkaji yang menjalankan kajian dalam bidang analisis kohesi. Pendekatan ini melihat tautan sebagai satu syarat sintaktik dan semantik yang menghubungkan ayat-ayat di dalam sesuatu teks.

Kajian ini juga meninjau perkembangan analisis wacana di Malaysia dan di barat dengan menyentuh kajian-kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan analisis wacana. Sorotan juga dibuat terhadap kajian analisis wacana dengan tumpuan khusus kepada kajian wacana berita. Dalam kajian ini, analisis wacana adalah dimaksudkan sebagai kajian terhadap hubungan di antara bahasa dan konteks di mana bahasa itu digunakan. Bidang analisis wacana ini berkembang daripada kerja-kerja yang dilakukan dalam disiplin yang berlainan pada tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an, termasuklah bidang linguistik, psikologi, antropologi, dan sosiologi. Analisis wacana mengkaji teks bertulis daripada berbagai-bagai jenis dan data pertuturan yang terdiri daripada pertuturan biasa hingga ucapan yang formal.

Perkembangan analisis wacana di Malaysia dikatakan bermula pada tahun 1966 dan dipelopori oleh Muhammad Yunus Maris. Pada peringkat awal, perkembangan analisis wacana hanya terdapat pada penulisan artikel dalam jurnal sahaja tetapi kini perkembangannya telah meluas hingga kepada penyelidikan ilmiah yang dilakukan di institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negara baik di

peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah, penulisan buku dan artikel. Kajian-kajian ini memberi sumbangan yang begitu bermakna kepada perkembangan bidang analisis wacana di negara ini, dalam aspek kebahasaan, organisasi wacana, nahu wacana, tema dan sebagainya. Di Malaysia, ahli-ahli bahasa dan penulis yang banyak memberi sumbangan kepada bidang ini antaranya ialah Asmah Haji Omar, Awang Sariyan, Azhar M.Simin, Wong Khek Seng, Sanat Md. Nasir, Khatijah Abdul Hamid dan sebagainya.

Sorotan perkembangan analisis wacana di barat memperlihatkan perkembangan yang begitu pesat dengan terhasilnya banyak penulisan, penghasilan buku dan kajian dalam bidang ini. Sejarah kajian analisis wacana di barat adalah panjang dan dikatakan bermula di Great Britain dengan aliran Firth dan seterusnya diperkembang oleh M.A.K. Halliday (1973) melalui pendekatan fungsional bahasa. Kerangka Halliday memberikan penekanan kepada fungsi sosial bahasa dan struktur tema serta struktur maklumat bahasa lisan dan tulisan. Sinclair dan Coulthard (1975) juga merupakan pengkaji yang penting di Britain yang membentuk satu model untuk menghuraikan perbualan di antara guru dan murid, berdasarkan satu hiraki unit wacana.

Di Amerika Syarikat, analisis wacana bermula pada tahun 1952 apabila Zeelig S. Harris menulis artikel berkaitan dengan analisis wacana. Analisis wacana di sini, menekankan kaedah penyelidikan yang meneliti kumpulan manusia yang berhubung di antara satu sama lain dalam situasi yang natural. Apa yang dipanggil analisis perbualan dalam tradisi Amerika juga boleh digolongkan ke dalam bidang analisis wacana.

Sejajar dengan perkembangan analisis wacana, perlu diberi perhatian kepada kerja-kerja yang dilakukan oleh ahli-ahli teks nahu (*text grammarians*). Ahli-ahli teks nahu melihat teks sebagai unsur bahasa yang mempunyai ikatan di antara satu sama lain. Ahli-ahli bahasa seperti Teun Adrianus van Dijk (1972), Robert de Beaugrande (1980) dan Michael Alexander Kirkwood Halliday dan Ruqaiya Hasan (1976) telah memberikan kesan yang signifikan dalam bidang ini.

Perlu juga disebut ahli-ahli bahasa lain yang turut memberi sumbangan kepada bidang analisis wacana antaranya ialah Eija Ventola, Martin Philips, Gillian Brown dan George Yule, Michael Hoey, Roger Fowler, Allan Bell, Norman Fairclough dan lain-lain lagi.

Analisis wacana kini telah berkembang ke berbagai-bagai disiplin lain dalam menghuraikan bahasa melampaui ayat serta melihat pengaruh konteks dan budaya yang memberikan kesan terhadap penggunaan bahasa. Ia juga kini menjadi tirai kepada penyelidikan dalam bidang Linguistik Gunaan serta pembelajaran dan pengajaran bahasa kedua.

Dalam bab ini telah dibincang konsep yang berkaitan dengan kajian ini serta telah ditinjau kajian-kajian yang berkaitan dengan analisis wacana, dan sekarang saya akan beralih ke bab seterusnya, iaitu Bab 3 yang akan menghuraikan kaedah yang digunakan dalam kajian ini.